SEJAK 1971 SUARA DARI MENARA ILMU

BERITA KAMPUS

ISNIN 6 April 2015 | Jilid 44 Bil 9 | RM1.00 | beritakampus44@gmail.com | ISSN 1397-7443

LAPORAN KHAS | Mariwasa hasilkan pingat unsur kesenian | 10-11

Kes potong kunci roda, USM ambil tindakan disiplin

Tindakan siswa-siswi memotong kunci roda kenderaan yang dikenakan oleh Jabatan Keselamatan (JK), Universiti Sains Malaysia (USM) menjadi suatu kesalahan dan tindakan disiplin akan dikenakan kepada mereka yang disabitkan kesalahan.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) USM, Prof Adnan Hussein, USM sangat memandang serius terhadap tindakan seperti ini kerana dianggap merosakkan harta benda kerajaan.

"Setakat ini hanya terdapat satu kes yang telah dikenakan tindakan disiplin atas kesalahan memotong kunci roda. Menurut keputusan Majlis Keselamatan dan Kelestarian Universiti semua kes seperti ini adalah di bawah Unit Disiplin", jelas beliau dalam program Sembang Santai bersama Jabatan Keselamatan USM, 31 Mac lalu.

"Bagi kesalahan ini, USM tidak dapat bertolak ansur dan individu terbabit berkemungkinan untuk diberikan amaran atau dibuang dari universiti. Kes disiplin ini juga akan dilaporkan kepada penaja dan berhak untuk memberhentikan biasiswa kepada siswa-siswi yang terlibat dalam kes-kes ini walaupun hanya mendapat amaran", tambahnya lagi.

"JK hanya menjalankan tugas untuk mengunci roda kenderaan yang tidak mematuhi peraturan universiti kerana mereka telah menerima banyak aduan daripada pihak bomba dan jawatankuasa keselamatan yang memberi tekanan kepada JK untuk membuat perubahan", katanya.

Pengarah JK USM, Prof Madya Dr P. Sundramoorthy berkata dalam tempoh masa tiga bulan yang lalu bermula Januari hingga Mac, JK mencatatkan sebanyak 824 kes kunci roda.

"Tindakan mengenakan kunci roda ini adalah untuk mencegah siswa-siswi yang tidak mempunyai dan mempunyai pelekat kenderaan daripada menyalahgunakan keistimewaan yang diberikan kepada mereka", tambah beliau.



PRIHATIN. . . Siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) yang peka terhadap amalan lestari bersama memeriahkan sambutan Earth Hour di Padang Kawad USM baru-baru ini.
Gambar oleh Rosamira Ahmad Razali

Vice-Chancellor: No increase in fees

By **VICTORIA SOFIA**

The Vice-Chancellor of Universiti Sains Malaysia (USM), Professor Dato' Dr. Omar Osman reassures that there will not be any increase in the fees, despite of newly-implemented Goods and Services Tax (GST) effective on 1st April this year.

The statement was made during a press conference for EKSPEN's opening ceremony after the Chairman of IPTA Vice-Chancellors and Rectors (JKNC/R announced earlier that tuition fees and accomodation for all IPTA would remain the same.

He also added that Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) in USM Health Campus will not be increasing the service charges and as for now, USM are trying to get HUSM to be exempted from GST to fulfill its' role as a teaching hospital.

"We will do our best to not make GST as a burden to the students. We are in the process of trying to understand it and see what are needed or not needed to be charged for GST", he explained.

He explained that USM will look into impact of GST and that will take at least a few months. In addition to that, he hoped that the learning environment of USM will not be affected due to GST.

Prof Omar had advised the students that there is no need to worry and they should focus on their studies. He then added that the patients of HUSM should not hesitate to receive medical treatment if they needed to do so as there will not be any additional charges.

USM had set up an operation centre in Bursary Department in USM for anyone to inquire on the matters of GST, if there should be any doubt or inquiries.

He had urged all cafe owners in USM to take up the social responsiblity to not impose any increase on the price of the items sold. While USM is currently monitoring the situation, he added that students may lodge complaints if there is any unreasonable increase in the price of goods.

The Goods and Services Tax (GST) was implemented on 1st April nationwide Sales and Services Tax (SST). However, GST does not includes zero-rated supplies and exempted supplies.

We will do our best to not make GST as a burden to the students. We are in the process of trying to understand it and see what are needed or not needed to be charged for GST.

Sikap hormat bentuk warga kampus harmoni

Imam Ahmad Ibnu Hanbal pernah meriwayatkan hadis Rasulullah S.A.W. yang bermaksud "Barangsiapa tidak menaruh hormat kepada orang yang lebih tua diantara kami atau tidak mengasihani yang lebih muda, tidaklah termasuk golongan kami". Hadis ini jelas menunjukkan perbuatan 'hormat' adalah perkara yang sangat penting dan perlu difahami oleh umat Islam demi menjaga hubungan sesama manusia.

Tidak kira bangsa, agama, umur, pangkat dan darjat, sikap hormat sangat dititikberatkan dalam kehidupan manusia. Sebagai contoh hormat kepada ibu bapa, guru-guru dan pensyarah, rakan-rakan serta masyarakat sekeliling.

Masyarakat Malaysia sememangnya terkenal dengan budaya hormat-menghormati. Malah budaya inilah yang mengangkat martabat kita sebagai masyarakat yang harmoni.

Anak muda sememangnya mempunyai sifat dan semangat ingin tahu dalam sesuatu hal. Namun jangan sampai semangat itu menjatuhkan diri sendiri dan membuatkan diri tidak dihormati.

Tidak salah untuk mengangkat sesuatu isu, tetapi cara yang digunakan mestilah bertepatan dan rasional. Contoh, apabila ingin menegur seseorang pemimpin hendaklah berhemah dan bukannya memberikan kata-kata kesat.

Badan pelaksana pula hanya menjalankan tugas mereka atas arahan dan tugas. Namun mereka kadangkala dicemuh hanya disebabkan perkara yang kecil. Tanya kepada diri sendiri, siapa yang mahu dicemuh, dihina dan dimaki 24 jam? Pasti tiada yang bersetuju dengan perkara ini. Bayangkan seorang bapa yang sedang bekerja untuk menyara keluarga, kemudian dihina disebabkan tugasnya.

Adakah itu wajar? Ya, memang benar perkara yang dilaksanakan itu pahit untuk ditelan, tetapi usahlah menyimbah minyak didalam api yang sedang marak. Belum sempat satu isu diselesaikan, isu lain pula perlu dihadapi.

Begitu juga dengan pemimpin, perlu menjadi contoh tauladan yang baik kepada anak buahnya. Setiap tindakan dan keputusan yang diambil menunjukkan kematangan dan kebijaksanaan pemimpin dalam menangani sesuatu hal.

Untuk membentuk sesuatu keputusan, perlu ambil kira pandangan orang lain dan bukannya hanya diri sendiri sahaja. Itu juga hormat namanya. Jika pemimpin menggunakan emosi untuk menangani sesuatu perkara, masalah itu tetap tidak akan selesai dan akan berlarutan.

Berilah pendapat, pandangan dan solusi berkenaan sesuatu isu, bukannya hanya protes namun tiada hala tuju. Usah berharap kepada pucuk pimpinan sahaja dalam menyelesaikan sesuatu isu. Tunjukkan kepada masyarakat bahawa mahasiswa juga mampu berdiri sendiri dan tidak bergantung sepenuhnya kepada universiti dalam segala hal.

Jika ada perkara yang boleh diselesaikan sendiri, cuba selesaikan. Jika perlu berdiskusi, silakan. Tiada siapa melarang. Buangkanlah sifat pentingkan diri sendiri kerana kita hidup bermasyarakat. Sebagai mahasiswa, selesaikan sesuatu isu ataupun perkara dengan cara dan pemikiran yang rasional, realistik dan toleransi.

Akhir sekali, persoalan-persoalan ini sebenarnya berbalik kepada sikap hormat-menghormati. Jika kita mendalami sikap hormat-menghormati sesama manusia, tidak akan wujud perasaan dengki dan iri hati dalam masyarakat kini. Sikap hormat-menghormati perlulah wujud di antara kedua-dua belah pihak.

Sama ada yang muda kepada yang tua, ataupun sebaliknya. Apabila wujudnya sikap hormat-menghormati dan tolak ansur, masyarakat akan hidup aman damai dan harmoni.

Budi bahasa cerminkan diri kita

Jika anda berpeluang untuk menonton filem *Kingsman: The Secret Service* pada bulan lepas, sudah tentu anda ingat dialog "manners maketh man" yang disebut oleh watak Hart. Dialog itu dengan jelasnya telah menyatakan bahawa budi bahasa kita menunjukkan identiti kita yang sebenar. Persoalannya, apakah itu budi bahasa? Kelakuan seseorang itu, bahasa, tutur kata dan amalan nilai-nilai murni adalah perkara yang digolongkan dalam budi bahasa. Walaupun perkara itu nampak senang, namun tidak ramai yang mampu melakukannya.

Tanya diri sendiri, bagaimanakah anda melayan orang di sekeliling anda? Dalam era digital sekarang, adakah kita berbudi bahasa apabila berinteraksi di sosial media? Dalam interaksi di media sosial, kita dapat melihat pelbagai ragam apabila menyampaikan hujah mengenai isu semasa. Memang mudah untuk berselindung di sebalik skrin komputer, terutamanya ketika kita ingin menyampaikan pendapat mengenai sesuatu isu semasa. Tanpa komunikasi dengan secara bersemuka, kita mungkin akan rasa lebih selamat dan kesannya negatif tidak akan dirasai dengan serta merta.

Walaupun internet dijadikan sebagai platform untuk mengadakan perdebatan untuk orang ramai, tidak ramai yang mampu menyampaikan hujah dengan bernas. Malangnya, ada sesetengah pengguna internet yang menggunakan kata-kata kesat dalam 'hujah' mereka. Di sini, hilangnya nilai rasional dalam menegakkan sesuatu perkara.

Perkara yang kononnya dihujahkan telah disampaikan dengan cara yang berat sebelah dan terlalu menggunakan emosi. Anda harus ingat, perkara yang kita taip menerusi internet akan kekal di situ dan mencetusnya perbalahan.

Terdapat beberapa inisiatif yang kita boleh ambil untuk menegakkan amalan budi bahasa dalam interaksi di sosial media. Pertama, elakkan penggunaan kata-kata kesat apabila menyampaikan hujahan dalam internet. Hormati pendapat orang lain dan jangan 'menyerang' orang itu.

Sebaliknya, kita harus memperdebatkan lagi hujah yang disampaikan oleh orang lain. Kemudian, jangan hanya mengeluh tetapi kita haruslah memberikan alternatif untuk menyelesaikan sesuatu isu itu. Tidak salah untuk menyampaikan keluhan di media sosial tetapi biarlah tindakan itu mendatangkan hasil kepada masyarakat.

Amalan budi bahasa akan membawa kita jauh ke hadapan dalam hidup ini. Dengan amalan budi bahasa yang kian terhakis dengan arus pemodenan, kita harus mengangkat kembali amalan-amalan tersebut. Amalan budi bahasa bukan hanya pada peringkat komunikasi secara bersemuka, malah interaksi di internet harus diambil kira.

Ingatlah bahawa pandangan anda di media sosial boleh dibaca oleh orang di seluruh dunia. Kita mempunyai tanggungjawab untuk menujukkan identiti masyarakat kita di internet dengan cara yang positif. Jadilah masyarakat yang berbudi bahasa dan kembalikan zaman kegemilangan peradaban tamadun kita.

ALAMAT Bilik Berita, Balai Media, Pusat Pengajian Komunikasi | **TELEFON** 04-653 5071 |
E-MEL beritakampus44@gmail.com
Berita Kampus ialah akhbar makmal siswa-siswi tahun akhir pengkhususan kewartawanan, Pusat Pengajian Komunikasi, USM dan bukan pendirian dan pandangan rasmi Universiti Sains Malaysia.

Sejak 1971.
Suara Dari Menara Ilmu.

Kesedaran lestari masih rendah dalam kalangan siswa-siswi

Selaras dengan visi dan misi Universiti Sains Malaysia (USM), kita sering didedahkan dengan aktiviti dan maklumat mengenai amalan lestari terutamanya dalam menjaga alam sekitar. Misalnya program Earth Hour yang disambut setahun sekali setiap 28 Mac bagi mengurangkan kadar penggunaan elektrik pada hari itu. Setiap lampu di USM akan ditutup selama satu jam.

Usaha dan langkah yang dilakukan oleh USM sememangnya sudah cukup untuk menanam sifat kelestarian dalam kalangan siswa-siswi. Usaha ini juga turut disambut baik oleh siswa-siswi dan mereka juga berminat untuk menyertai program yang dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, siswa-siswi sering lupa untuk mengamalkan agenda kelestarian apabila mereka tidak menyertai program. Misalnya apabila berada di desasiswa, siswa-siswi tidak menggunakan tenaga dengan efisien. Hal ini dapat dilihat apabila mereka membiarkan kipas terbuka walaupun mereka tiada di dalam bilik. Sama juga apabila lampu tandas dan koridor dibiarkan terbuka walaupun pada hari siang.

Ini menunjukkan bahawa siswa-siswi masih lagi gagal dalam mempraktikkan amalan lestari. Mereka tidak sedar bahawa dalam kehidupan seharian mereka tenaga dibazirkan begitu sahaja. Masalah ini mungkin tidak dirasai kerana mereka tidak menanggungnya bil guna tenaga tersebut. Siswa-siswi mungkin tidak sedar sebenarnya mereka telah menggunakan elektrik secara sambil lewa kerana sudah biasa mengamalkannya di rumah.

Siswa-siswi perlu mengubah kebiasaan mereka terhadap penggunaan tenaga supaya tidak berlaku pembaziran. Ramai yang sedar akan hal ini. Namun, disebabkan sudah terbiasa dengan cara hidup yang suka membazir menyebabkan mereka berasa susah untuk membetulkan kebiasaan mereka.

Langkah pertama yang perlu mereka lakukan ialah dengan menutup suis elektrik yang tidak digunakan. Mungkin nampak mudah tetapi ramai siswa-siswi tidak melakukannya disebabkan kebiasaan mereka. Mereka perlu cuba melakukannya dengan konsisten supaya dapat membiasakan diri untuk menutup suis apabila tidak menggunakannya.

Siswa-siswi perlu menanam amalan lestari dalam diri mereka supaya pembaziran tenaga dapat dielakkan. Mereka perlu betulkan amalan yang biasa mereka lakukan dan membiasakan amalan lestari yang sepatutnya mereka lakukan untuk meminimakan penggunaan tenaga.

Siswa-siswi membiarkan kipas terbuka walaupun mereka tiada di dalam bilik. Sama juga apabila lampu tandas dan koridor dibiarkan terbuka walaupun pada hari siang.

SEMBANG SANTAI

Prof Adnan: Jangan salah guna pelekat kenderaan

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar) Universiti Sains Malaysia, Profesor Dr Adnan Hussein menjelaskan bahawa tindakan memandu kenderaan untuk ke kelas telah melanggar tujuan sebenar pemberian pelekat kenderaan kepada siswa-siswi.

Beliau berkata demikian ketika ditemubual dalam program Sembang Santai Pengarah Jabatan Keselamatan (JK) Dr Sundramoorthy Pathman di Dewan Pembangunan Siswa 2, Kompleks Cahaya Siswa USM.

Menurut beliau, tidak mengetahui sesuatu peraturan tidak bermakna siswa-siswi terlepas daripada denda kesalahan tersebut.

"Tujuan asal pemberian pelekat kenderaan ialah untuk memudahkan siswa-siswi melakukan kerja-kerja persatuan, bukan untuk pergi ke kuliah. Tetapi USM membenarkan kerana urusan persatuan yang memerlukan kenderaan", kata beliau.

Tambah beliau, USM memberikan kelonggaran kepada tiga kumpulan untuk mendapat pelekat kenderaan iaitu staf USM, pelajar pascasiswazah sambilan dan prasiswazah yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin tertinggi setiap persatuan di USM.

Setiap universiti dalam Malaysia tertakluk kepada peraturan yang telah termaktub dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (AUKU), Bahagian IV Tatatertib Lalu Lintas Jalan yang mengkehendakkan setiap kenderaan di dalam kampus haruslah mempunyai permit yang sah untuk berada dalam kampus.

USM juga ada polisi yang berhasrat untuk meminimumkan penggunaan kenderaan dalam kampus.

"Peraturan-peraturan yang dikenakan untuk memberi kelonggaran terhadap dasar universiti yang tidak ada kenderaan. Setiap universiti haruslah melihat kepada situasi tertentu terhadap kelonggaran tersebut", tambah Prof Adnan.

Menurut Dr Sundramoorthy Pathman, siswa-siswi yang menyalahgunakan pelekat kenderaan boleh ditarik balik kelebihan tersebut.

"Pelekat kenderaan yang didaftarkan atas individu yang layak dan diberikan kepada orang lain akan terus dirampas terus jika berjaya dikesan oleh JK", jelas beliau kepada *Berita Kampus.*

SEMBANG SANTAI

Kelonggaran keluar masuk wajar dikaji semula

Oleh **HEMAWATHI SOMASUNDHARAM**

Kelonggaran keluar masuk ke dalam kawasan kampus telah menyebabkan siswa-siswi menghadapi gangguan daripada orang luar.

Menurut Koh Ee Lin, Seni 3, beliau diganggu oleh lelaki ketika hendak keluar daripada pintu Sungai Dua ke kawasan berhampiran dengan kampus.

"Selepas kejadian ini berlaku saya berasa takut dan risau kerana keselamatan di sekitar kawasan kampus tidak terjamin. Kelonggaran keluar masuk yang diberikan kepada orang luar adalah salah satu faktor yang menyumbang kepada kejadian sebegini", kata beliau.

"Saya berharap Jabatan Keselamatan (JK) dapat mengawal keluar masuk orang luar ke dalam kawasan kampus dan tidak membenarkan mereka memasuki kampus tanpa pengesahan identiti. Secara tidak langsung, kelonggaran keluar masuk ke kawasan kampus memberi ruang kepada orang luar memasuki kawasan desasiswa", tambah beliau.

Menurutnya lagi, siswa-siswi harus berhati-hati dengan orang yang tidak dikenali serta elakkan untuk berjalan seorang diri walaupun pada waktu siang.

Selain itu, beliau juga memberikan cadangan untuk penambahbaikan supaya kejadian ini tidak berulang.

Antaranya, ialah agar JK kerap membuat pemeriksaan keluar masuk kenderaan pelawat serta menguatkuasakan pemantauan secara 24 jam dan mengeluarkan pas pelawat kepada orang awam yang berurusan dengan universiti.

Beliau juga mencadangkan agar JK meningkatkan kuantiti kamera litar tertutup di kawasan desasiswa dan juga di sekitar kawasan kampus.

Menurut Pengarah JK, Prof Madya Dr P. Sundramoorthy, JK menggalakkan cadangan penambahbaikan daripada siswa-siswi.

Beliau menjelaskan agar pemasangan kamera litar tertutup di kawasan desasiswa tidak sesuai kerana ia mungkin mengganggu privasi.

Kamera litar tertutup yang menghala ke bilik air, pintu masuk dan juga bilik desasiswa juga menimbulkan rasa ketidakselesaan dalam kalangan penghuni desasiswa.

Tambahnya, cadangan untuk meningkatkan kuantiti kamera litar tertutup di kawasan sekitar kampus terutamanya dekat perhentian bas adalah cadangan yang bagus dan JK akan meneliti cadangan ini untuk perlaksanaan masa hadapan", jelas beliau.

"Cadangan untuk membuat pemeriksaan keluar masuk kenderaan secara 24 jam pula akan menyukarkan staf Universiti Sains Malaysia masuk kerja tepat pada waktunya", kata beliau.

Beliau menjelaskan agar pemasangan kamera litar tertutup di kawasan desasiswa tidak sesuai kerana ia mungkin mengganggu privasi. Kamera litar tertutup yang menghala ke bilik air, pintu masuk dan juga bilik desasiswa juga menimbulkan rasa ketidakselesaan dalam kalangan penghuni desasiswa.

SEMBANG SANTAI

Denda kunci roda naik selepas 12 jam



Bayaran sebanyak RM50 atas kesalahan meletakkan kenderaan tanpa pelekat kenderaan perlu dibayar dengan segera kepada pegawai JK yang bertugas untuk membuka kunci roda.

Pengarah Jabatan Keselamatan (JK) Universiti Sains Malaysia, Prof Madya Dr P. Sundramoorthy menegaskan bahawa denda kunci roda akan meningkat setiap selepas 12 jam kenderaan siswa-siswi dikunci roda. Kenyataan itu dijelaskan sewaktu program Sembang Santai bersama Jabatan Keselamatan USM pada 31 Mac lalu.

"Peningkatan bayaran ini sebagai pengajaran kepada mereka yang dikunci roda agar mereka tidak lagi mengulang kesalahan yang sama dan peka akan kenderaan mereka", jelasnya lagi.

Menurutnya lagi, terdapat sesetengah siswa-siswi yang dikunci roda kenderaan mereka tidak mengambil kenderaan mereka secepat mungkin. Sebaliknya mereka mengambil kesempatan dengan membiarkan kenderaan mereka berada di petak parkir selama beberapa hari.

Menurut seorang siswa yang tidak mahu dikenali, dia dikenakan bayaran sehingga RM200 semasa kenderaannya dikunci roda. Hal ini kerana dia lewat mengambil kenderaannya selama beberapa hari selepas 12 jam pertama kenderaannya dikunci roda.

"Perkara ini benar-benar menjadi pengajaran kepada saya dan menasihatkan agar siswa-siswi lain untuk tidak melakukan perkara yang sama", katanya lagi.

Menurut Dr P. Sundramoorthy, bayaran yang selaras untuk kenderaan yang dikunci roda sebanyak RM50 bagi setiap kenderaan. Pihaknya akan cuba berbincang dengan Bendahari USM mengenai penangguhan bayaran bagi kunci roda kenderaan kerana terdapat beberapa kes di mana siswa-siswi tidak mampu untuk menjelaskan bayaran tepat pada masanya.

Maklumat yang diperoleh daripada Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Malaysia (MPPUSM) juga menyatakan bahawa bermula 3 April 2015, bayaran saman akan dibuat di Kaunter Unit Hasil Jabatan Bendahari. Siswa-siswi juga diberi tempoh selama tujuh hari bagi menyelesaikan denda tersebut.

Usaha PPKSP perlu diberi perhatian

Usaha Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP), USM dalam melahirkan usahawan muda dalam kalangan siswa-siswi perlu diberi perhatian.

Menurut Penolong Pengarah Pembangunan Keusahawanan, PPKSP, Nurul Izzati Razali, banyak usaha yang dijalankan untuk membantu siswa-siswi dalam menceburi bidang keusahawanan di kampus. Antaranya adalah menyediakan kiosk, premis di Uptown Mall, Dataran Usahawan, pinjaman Akaun Siswa Niaga Maju, bengkel serta seminar kemahiran.

"Walaupun terdapat peningkatan dari segi penglibatan siswa-siswi dalam bidang keusahawanan, namun hebahan mengenai segala peluang yang disediakan oleh PPKSP melalui media sosial kurang mendapat tumpuan daripada warga kampus", tambahnya lagi.

Nurul Izzati juga menyatakan bahawa penyertaan untuk bengkel dan seminar kemahiran keusahawanan terbuka kepada siswa-siswi yang berminat dan yuran komitmen sahaja yang dikenakan. Siswa-siswi perlu memberi perhatian terhadap usaha yang dijalankan agar dapat meningkatkan pengetahuan dalam bidang keusahawanan.

Menurut Nurul Syazwani Abdul Ghazali, Sains Kemasyarakatan 1, segala usaha PPKSP memberi manfaat kepada siswa-siswi khususnya dalam bidang keusahawanan yang melibatkan tahap kemahiran diri yang tinggi.

"Siswa-siswi haruslah peka terhadap segala hebahan mengenai program-program yang dijalankan oleh PPKSP melalui facebook dari semasa ke semasa", jelasnya lagi.

Nurul Izzati berharap agar siswa-siswi yang berminat dapat menggunakan peluang yang disediakan dengan sebaik mungkin seterusnya berunding dengan PPKSP jika terdapat sebarang persoalan.

Banyak usaha yang dijalankan untuk membantu siswa-siswi dalam menceburi bidang keusahawanan dalam kampus.

Jangan pandang remeh latihan kebakaran

Oleh **NUR EMIRA SAIZALI**

Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (UKKP) terkilan dengan sikap siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) yang sering mempertikaikan kepentingan latihan kebakaran yang diadakan di setiap desasiswa.

Menurut Pegawai Sains Bahagian Pencegahan Kebakaran UKKP, Mohd Asro Ramli, hal ini mencerminkan tahap kesedaran mereka terhadap hal kecemasan dan kemalangan masih lagi berada di tahap yang rendah.

"Ada segelintir siswa-siswi yang memuat naik status di laman sosial yang merungut tentang latihan kebakaran di laman sosial dan ia telah memberi satu gambaran tentang sikap petugas yang bertugas ketika itu", katanya.

"Contohnya ada yang mengadu tentang para petugas menjerit ketika menjalani latihan kebakaran. Kami perlu menjerit untuk memberi gambaran situasi yang cemas. Sudah pasti nada suara tinggi akan memberi satu perasaan takut dan seterusnya menurut arahan yang diberi", tambahnya lagi.

Beliau turut menegaskan bahawa kecemasan berlaku tanpa mengira masa dan waktu.

Waktu yang paling kritikal ialah waktu tidur dan kerana itu UKKP dan Jabatan Keselamatan (JK) memilih masa selepas jam 12 tengah malam untuk melakukan latihan kebakaran.

Asro turut menambah, latihan kebakaran bertujuan untuk melatih para penghuni desasiswa tentang prosedur yang patut dilakukan sekiranya berlaku kebakaran dan tindakan yang perlu diambil.

Antara langkah yang perlu diambil ialah menggunakan tangga yang paling hampir jika berlaku hal-hal kecemasan dan jangan guna lif.

Di samping itu juga, UKKP dan JK perlu memeriksa dengan terperinci setiap bangunan sama ada semua sistem berfungsi dengan baik seperti penggera kecemasan dan alat pemadam api.

"Perkara yang paling penting ialah untuk melatih pasukan menyelamat iaitu Jabatan Keselamatan. Hal ini kerana mereka kumpulan yang akan tiba lebih awal berbanding bomba dan ambulans untuk menyelamatkan mangsa yang kebakaran", ujar Asro lagi.

"Tugas UKKP ialah untuk mengkaji setiap prosedur yang dijalankan dan melihat sama ia berkesan. Seterusnya ia akan ditambah baik setiap semester. Contohnya semester ini kami telah menambah satu lagi prosedur semasa latihan kebakaran iaitu mengetuk bilik pelajar kerana terdapat segelintir pelajar enggan beri kerjasama", katanya lagi.

"Penggawa setiap desasiswa juga terlibat dalam latihan ini dan perlu membuka setiap bilik. Kami hairan sekiranya jumlah pelajar 800 orang tetapi yang turun hanya seramai 400 orang dan kerana itu prosedur ini diwujudkan. Prosedur ini juga dilihat sebagai langkah menyelamat, mungkin ada penghuni yang pengsan atau sakit ketika itu", tambah Asro lagi.

"Walaupun UKKP hanya bekerja di belakang tabir sahaja, kami sangat memandang serius perkara ini. Hal ini kerana berdasarkan analisis melalui setiap latihan kebakaran yang dilakukan, kesedaran tentang hal kecemasan dan kemalangan masih lagi rendah dalam kalangan siswa-siswi USM. Mereka masih lagi tidak mengetahui bentuk tindakan yang sewajarnya diambil jika berlaku hal-hal kecemasan dan akhirnya akan memberi kesan sekiranya kebakaran sebenar berlaku", katanya lagi kepada *Berita Kampus.*

Beliau turut menyatakan bahawa kursus-kursus tentang kebakaran dan kecemasan akan diperbanyakkan untuk memberi pendedahan yang lebih tinggi kepada siswa-siswi dan juga staf di USM.

Penggawa setiap desasiswa juga terlibat dalam latihan ini dan perlu membuka setiap bilik. Kami hairan sekiranya jumlah pelajar 800 orang tetapi yang turun hanya seramai 400 orang dan kerana itu prosedur ini diwujudkan. Prosedur ini juga dilihat sebagai langkah menyelamat, mungkin ada penghuni yang pengsan atau sakit ketika itu.

Kejar untung, abai kualiti program

Lambakan projek yang dianjurkan di Universiti Sains Malaysia dilihat tidak mementingkan kualiti sebaliknya meletakkan keuntungan sebagai objektif utama pelaksanaan projek.

Menurut Nurashikin Mohd Nuwawi, Ilmu Pendidikan 3, corak penganjuran projek lebih mementingkan keuntungan semata-mata apabila memerlukan siswa-siswi membayar amaun tertentu untuk menghadiri projek yang dianjurkan.

"Kandungan projek yang dianjurkan tidak lari daripada konsep yang sama apabila terlampau banyak unsur hiburan dan ceramah cinta diterapkan. Projek sebegini tidak dapat membuka minda siswa-siswi malah lebih parah lagi input yang diterima tidak dapat diukur dengan jelas." ujarnya.

"Semester kedua ini menjadikan siswa-siswi lebih giat mendapatkan seberapa banyak MyCSD bagi membolehkan mereka terus menginap di desasiswa masing-masing. Justeru, tidak hairanlah siswa-siswi sanggup menghabiskan wang untuk membeli tiket yang kadangkala mencecah RM10." katanya lagi.

Anis Nabilah Yazid, Sains Fizik 1, berkata siswa-siswi yang terlampau taksub mengejar MyCSD tidak mementingkan input yang akan diterima sebaliknya akan berusaha untuk menghadirkan diri kesemua projek yang dianjurkan. Hal ini menyebabkan capaian objektif sesuatu projek boleh dipertikaikan.

"Penganjur projek tidak sewajarnya mengambil kesempatan melaksanakan projek berbayar dengan mengumpan MyCSD kepada siswa-siswi sebaliknya perlu membantu pihak universiti melahirkan modal insan yang memiliki pakej lengkap sebelum dapat bersaing di dunia pekerjaan." katanya.

Menurut Pengarah Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar (BHEPP), Dr Nazarudin Zainon, kebanyakan organisasi yang melaksanakan projek mementingkan keuntungan justeru tidak hairanlah isi kandungannya adalah daya penarik kepada minat siswa-siswi itu sendiri.

"Organisasi yang dipantau rapi oleh BHEPP akan diteliti setiap projeknya supaya elemen-elemen yang ingin dilaksanakan sesuai dengan objektif yang ditetapkan universiti. Justeru, tidak ada istilah projek-projek yang diluluskan tidak berkualiti namun bergantung kepada perlaksanaannya." kata beliau.

"Sepanjang sidang 2013/2014, terdapat 17,000 projek dianjurkan dan apabila dipuratakan, BHEPP dapat mengesan generik penglibatan siswa-siswi yang rendah dan data ini digunakan untuk mencari solusi meningkatkan penglibatan mereka dalam generik tersebut." ulasnya lagi.

"Saya berharap mereka yang akan menganjur sebarang projek sentiasa peka dengan keadaan semasa dan melaksanakan projek yang mampu memberi manfaat kepada warga kampus. Kadangkala berlaku penipuan dalam pelaksanaan projek dan hal ini tidak sepatutnya berlaku sama sekali." tambahnya.

Penganjur projek tidak sewajarnya mengambil kesempatan melaksanakan projek berbayar dengan mengumpan MyCSD kepada siswa-siswi sebaliknya perlu membantu pihak universiti melahirkan modal insan yang memiliki pakej lengkap sebelum dapat bersaing di dunia pekerjaan.

Utamakan keselamatan diri untuk elak kejadian tidak diingini

Sejak semester lepas, kejadian siswi diganggu oleh warga kampus atau orang luar dengan alasan minta laluan dalam kampus masih tidak menemui jalan penyelesaian. Kejadian sebegini dimaklumkan oleh siswa-siswi dalam laman USM Info Sharing Corner supaya warga kampus berhati-hati untuk elak kejadian tidak diingini.

Menurut Shangita Suvarna Gangaraj, Pengurusan 2, kejadian ini berlaku sekitar pukul 7 petang ketika beliau berjoging berhampiran dengan perhentian bas di lokasi Dewan Budaya. Beliau turut menjelaskan bahawa warga kulit hitam yang menaiki kereta Proton Wira berwarna kelabu minta laluan dalam kampus.

"Tanpa berfikir panjang saya bantu lelaki tersebut. Namun, diminta ikut serta untuk tunjuk laluan dalam kampus walaupun sudah menjelaskan terlebih dahulu. Saya menolak lalu beredar dari lokasi tersebut", jelasnya.

"Lelaki tersebut bertindak untuk mengejar saya tetapi sempat melarikan diri disebabkan saya penghuni Desasiswa Fajar Harapan dan berada tidak jauh darinya ketika kejadian berlaku. Saya terkejut dan bimbang kerana kejadian ini berlaku dalam kampus", ujarnya.

"Saya percaya antara punca berlakunya kejadian sebegini adalah tidak ada kawalan ketat. Kebanjiran pelajar asing dan tindakan Jabatan Keselamatan kurang membuat rondaan berbanding waktu malam turut menyumbang kepada kejadian di luar jangkaan", tambahnya lagi.

Beliau menyarankan siswa-siswa agar sentiasa berwaspada dan tidak mudah terpedaya dengan pujukan pelajar asing terutamanya bagi mereka yang minta laluan dalam kampus.

Selain itu, beliau juga memberikan cadangan penambahbaikan supaya kejadian sebegini tidak berulang. Antaranya ialah agar JK kerap membuat pemantauan dan pengawalan yang berterusan serta menjalankan operasi pemeriksaan nombor plat kereta.

Tambahnya, peningkatan kuantiti kamera litar tertutup di sekitar kawasan kampus juga dapat membantu menangani kejadian sebegini. Justeru, beliau berharap agar tindakan segera diambil supaya keselamatan siswa-siswi terjamin ketika berada dalam kampus.

Susulan kejadian ini, Pengarah JK, Prof Madya Dr P. Sundramoorthy berkata, JK memandang serius terhadap isu ini. Namun begitu, JK tidak dapat mengambil sebarang tindakan tanpa aduan bertulis daripada siswa-siswi berkenaan kejadian ini.

"Saya menggalakkan siswa-siswi untuk membuat laporan kepada JK supaya kami dapat menjalankan sisatatan terhadap isu ini tidak berulang. Selain itu, JK juga boleh mengenal pasti individu yang terlibat dalam kejadian ini sekiranya mangsa kejadian tampil untuk memberikan keterangan. Lagipun, sikap siswa-siswi sekadar berkongsi maklumat dalam laman USM Info Sharing Corner tidak dapat menyelesaikan masalah ini", ujar beliau.

Alumni USM di bawah BHEPP

Oleh **MOHAMAD YUSOF HELMY RAMLI**

Persatuan Alumni yang dahulunya di bawah Pejabat Perhubungan Awam akan digabungkan ke Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) untuk menjadi Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar dan Alumni (BHEPPA).

Penggabungan ini telah dimaklumkan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar), Profesor Dr. Adnan Hussein semasa memberikan ucapan perasmian program Akustika CG di Dewan Budaya, Universiti Sains Malaysia (USM) pada 25 Mac 2015.

Menurut Profesor Dr Adnan, penggabungan ini dibuat untuk menyelaraskan dengan institusi pengajian tinggi awam yang lain dan juga bagi memudahkan mendapat kesinambungan pelajar.

"Penggabungan ini dapat mempergiatkan hubungan antara USM dengan alumni USM dan unit perhubungan di bawah BHEPP akan diperluaskan", jelas beliau.

"Tarikh rasmi penukaran nama jabatan tersebut masih tidak diketahui kerana USM masih menunggu keputusan daripada pusat pendaftaran", jelas beliau.

Usaha kaunselor pelatih tidak tercapai

Oleh **MICHELE NG HENG KIM**

Kaunselor pelatih yang menawarkan perkhidmatan kaunseling kepada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) tidak mendapat sambutan yang memberangsangkan.

Menurut Nur Azreen Shaleeza Ahmad Azhar, Ilmu Pendidikan 1, perkhidmatan kaunseling yang ditawarkan baru bermula sejak bulan Mac yang lalu.

Nur Atiqah Mohd Nor, Ilmu Pendidikan 1 pula mengatakan bahawa mereka mendapat sambutan yang minimum daripada siswa-siswi USM.

"Mungkin ada yang beranggapan bahawa kaunseling adalah nasihat semata-mata tetapi hakikatnya tidak. Kami adalah satu saluran untuk membantu siswa-siswi dalam menanggani cabaran hidup yang sedang dilalui", jelas Azreen.

Azreen juga mengatakan bahawa salah satu faktor kurangnya sambutan adalah perkhidmatan kaunseling ini masih baru di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP).

Atiqah juga menambah bahawa sebagai kaunselor pelatih, mereka masih tengah berusaha untuk mencapai siswa-siswi melalui promosi agar diketahui ramai.

Antara masalah yang dihadapi adalah ketidakinginan siswa-siswi menghadiri sesi kaunseling.

"Ada pelajar yang dirujuk kepada kami tetapi tidak ingin menghadirkan diri. Ini adalah sesuatu yang mengecewakan kerana kami ingin membantu. Setidak-tidaknya berikanlah ruang dan peluang kepada kami untuk membantu anda", tambah Azreen lagi.

Menurut pensyarah PPIP, Profesor Madya Dr Abdul Rashid yang merupakan penyelia kepada kaunselor pelatih, mereka sukar mendapat klien walaupun telah berminggu-minggu kerana sikap siswa-siswi sendiri.

"Apabila kaunselor pelatih menghubungi siswa-siswi yang dirujuk kepada mereka, mereka memberi alasan sibuk, salah nombor dan sebagainya. Kaunselor pelatih sudah mencari siswa-siswi untuk menghulurkan bantuan tetapi begitulah repsons yang diterima", kata beliau.

Azreen mengalu-alukan kehadiran siswa-siswi USM ke bilik kaunseling PPIP untuk berkongsi pandangan, pendapat atau cabaran hidup yang mengganggu fikiran mereka.

"Kami akan membantu anda untuk mencari solusi tentang segala masalah anda. Kami tidak akan menilai anda dan rahsia anda selamat bersama-sama kami", katanya lagi kepada *Berita Kampus.*

Apabila kaunselor pelatih menghubungi siswa-siswi yang dirujuk kepada mereka, mereka memberi alasan sibuk, salah nombor dan sebagainya. Kaunselor pelatih sudah mencari siswa-siswi untuk menghulurkan bantuan tetapi begitulah repsons yang diterima.

Stigma kaunseling kaburi penerimaannya

Pemahaman seseorang bahawa perkhidmatan kaunseling untuk orang yang bermasalah dan meluahkan perasaan biasanya hanya 50% tepat.

Menurut pensyarah Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) yang juga seorang kaunselor berdaftar dan perakuan amalan, Profesor Madya Dr Abdul Rashid, pandangan umum yang cuma mengaitkan kaunseling dengan masalah adalah salah.

"Pandangan tersebut tidak tepat kerana kalau kita mengaitkan kaunseling macam itu, ia akan menjadi satu stigma", jelasnya.

Profesor Madya Abdul Rashid turut menambah bahawa jarang orang akan mengaku diri sendiri bermasalah walaupun mungkin dalam fikirannya ada masalah.

"Mereka akan mengatakan tiada makna berjumpa kaunselor kerana mereka merasakan diri sendiri tiada masalah. Namun, apabila rakan mereka mendapati mereka bermasalah dan menasihati mereka untuk berjumpa kaunselor, mereka tetap tidak akan berjumpa dengan kaunselor", tambahnya lagi.

Akibat stigma umum mengenai kaunseling, seseorang akan berasa malu berjumpa dengan kaunselor kerana tidak ingin dilihat sebagai bermasalah.

Prof Madya Abdul Rashid turut menekankan kepentingan umum untuk faham tentang persepsi kaunseling yang betul.

"Kaunseling adalah untuk semua orang sama ada mereka bermasalah atau tidak. Ia adalah satu proses bimbingan yang memperlihat klien mendapat input daripada kaunselor dan sebaliknya dengan syarat peraturan dan etika dipatuhi", katanya.

Beliau turut menambah bahawa masyarakat kita kurang terbuka terhadap konsep kaunseling.

"Siswa-siswi tiada inisiatif berjumpa dengan kaunselor kerana malu dengan pandangan orang. Masyarakat akan terus berpendapat bahawa siswa atau siswi tersebut bermasalah. Stigma sebegitulah yang ingin kita kikis kerana kaunseling adalah satu khidmat yang boleh diberi kepada sesiapa sahaja asalkan normal", jelasnya kepada Berita Kampus.

Perkhidmatan kaunseling turut disediakan kepada siswa-siswi Universiti Sains Malaysia (USM) namun perkhidmatan tersebut tidak digunakan sepenuhnya oleh mereka.

"Siswa-siswi tidak ingin menerima kaunseling kerana mengaitkannya dengan masalah juga. Mereka tidak ingin terlibat dan merasakan kaunseling adalah satu beban", tambah Profesor Madya Abdul Rashid lagi.

Namun, siswa-siswi harus faham bahawa kaunselor bukan penyelesai masalah mereka sebaliknya pembimbing mereka dalam usaha mencari jalan penyelesaian.

"Tujuan kaunseling adalah untuk membentuk pemahaman agar seseorang memahami kelebihan dan kelemahan mereka. Kelemahan tersebut boleh diketengahkan supaya boleh dibaiki. Itu adalah matlamat kaunseling tetapi kalau siswa-siswi tidak ingin datang, macam mana kaunselor boleh membantu?", kata beliau.

Siswa-siswi tiada inisiatif berjumpa dengan kaunselor kerana malu dengan pandangan orang. Masyarakat akan terus berpendapat bahawa siswa atau siswi tersebut bermasalah. Stigma sebegitulah yang ingin kita kikis kerana kaunseling adalah satu khidmat yang boleh diberi kepada sesiapa sahaja asalkan normal.

Kemas kerusi, meja selepas tamat program

Oleh **MOHAMAD HAFIZ ADISMAN**

Ruang legar Kompleks Cahaya Siswa (KOMCA) Universiti Sains Malaysia kelihatan bersepah dengan meja dan kerusi.

Menurut Pembantu Am Rendah, Firdaus Adnan, sepatutnya Jabatan Pembangunan (JP) perlu mengambil semula meja dan kerusi apabila sesuatu program itu telah berlangsung.

Namun begitu, apabila beberapa program dijalankan dalam tarikh yang berdekatan, keadaan tersebut akan menyukarkan JP untuk mengambilnya semula.

"Apabila staf dari JP ingin mengambil perabot-perabot tersebut, penganjur lain pula yang akan menempah perabot yang sama untuk digunakan di sini. Hal ini menyebabkan staf JP perlu berulang alik untuk mengambil dan menghantar semula perabot-perabot tersebut", katanya.

Di samping kerusi dan meja di ruang legar Kompleks Cahaya Siswa, tinjauan wartawan *Berita Kampus* mendapati terdapat kerusi-kerusi plastik yang diletakkan di bahagian belakang dewan.

"Mengenai hal kerusi di belakang dewan ini sebenarnya adalah disebabkan kadang-kala penganjur meletakkannya di belakang apabila ingin melakukan persembahan tanpa pengetahuan saya. Buat masa ini, mana-mana penganjur yang kami dapati melakukan demikian kami arahkan untuk mengemasnya kembali. Jika mengharapkan saya seorang sahaja memang tidak larat untuk mengemasnya", tambah Firdaus lagi.

Staf Unit Perabot JP pula mengakui bahawa perkara ini sememangnya di bawah seliaan mereka. Namun, tarikh program yang biasanya berdekatan menyebabkan mereka tidak mengambil kembali meja dan kerusi tersebut.

"Kami mengakui bahawa keadaan ini sememangnya adalah salah kami. Tetapi bagaimana kami hendak mengambilnya kembali sekiranya tarikh program seterusnya berdekatan? Sebagai contoh, program berlangsung pada 2 Mac 2015 kemudian pada 4 Mac 2015 juga program yang lain pula menyusul di tempat yang sama. Perkara yang kami lakukan setakat ini adalah sama ada mengurangkan atau menambah jumlah kerusi dan meja yang ada di Kompleks Cahaya Siswa", jelasnya kepada Berita Kampus.

"Kadang kala penganjur ingin meminta kerusi dan meja yang terlalu banyak sehingga kami tidak mampu menampung permintaan mereka. Apabila berlaku lebihan kerusi dan meja, penganjur tidak mengemasnya kembali sedangkan kami sudah mengemasnya dengan elok", jelasnya lagi.

Khairul Azhar Mohd Habibullah, Sains Kemasyarakatan 4, berpendapat keadaan meja dan kerusi yang ada di ruang legar Kompleks Cahaya Siswa mengganggu pemandangan sekitar.

"Memang tidak dinafikan kerusi dan meja ini membantu para pelajar dan penganjur untuk mengadakan program. Tetapi selepas menggunakannya perlulah dikemas semula dengan meletakkannya di satu tempat yang sama agar nampak lebih tersusun dan kemas", kata Azhar.



MENGGANGGU Kerusi yang disusun di hadpan riser bomba di Kompleks Cahaya Siswa.

Food Bank bantu siswa-siswi kurang mampu

Piqapen Interprise tampil dengan program baru yang bertujuan untuk membantu warga Universiti Sains Malaysia (USM) terutama siswa-siswi yang tidak bernasib baik atau tidak berkemampuan untuk membeli makanan dengan menubuhkan Food Bank baru-baru ini.

Menurut Pengarah Piqapen Enterprise, Mohd Zul Fahmi Zahari menyatakan idea untuk menubuhkan Food Bank sejak tahun 2012 ketika memulakan perniagaan. Namun, keadaan ekonomi syarikatnya ketika itu masih belum kukuh.

Food Bank adalah salah satu Program di bawah tanggungjawab sosial korporat syarikat Piqapen Enterprise (Milik Pelajar, Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan USM). Bagi mereka yang tidak bernasib baik atau tidak berkemampuan untuk membeli makanan boleh mendapatkan makanan secara percuma dari Food Bank yang disumbangkan oleh individu, badan korporat atau NGO.

Menurutnya lagi, Food Bank bukan sesuatu yang asing di negara luar dan cuba untuk membawa asas itu ke dalam masyarakat kita terutama dalam kampus USM.

"Idea untuk menubuhkan Food Bank juga terhasil apabila kami sebagai usahawan pelajar perlu mengambil pekerja yang terdiri daripada siswa-siswi. 50 hingga 60 peratus daripada siswa-siswi yang datang mempunyai masalah kewangan", tambahnya kepada wartawan Berita Kampus.

"Kami meletakkan kotak yang mengandungi makanan seperti roti, air kotak dan air mineral berhadapan kiosk Ayamazz Roti Impit di Foyer Dewan Kuliah yang menjadi tumpuan siswa-siswi. Jika berasa mereka layak untuk mengambil makanan tersebut, jangan segan untuk ambil tanpa perlu mengisi nama dan nombor kad pengenalan kerana kami ikhlas untuk membantu tanpa perlu kenal siapa anda", tegasnya.

Beliau juga berkata, pihaknya akan sentiasa memastikan bekalan makanan mencukupi dan memastikan kebersihan makanan terjaga kerana makanan diletakkan di tempat terbuka dengan merujuk Pusat Sejahtera terlebih dahulu. Malah, beliau juga mengelakkan meletak makanan yang mudah rosak dan berlaku pembaziran seperti nasi lemak dan bihun goreng.

Siti Nor Fadila Ishar, Sains Kemasyarakatan 2, beliau menyatakan rasa kagum dengan usaha Piqapen Enterprise yang cuba membantu siswa-siswi yang tidak berkemampuan. Beliau juga berharap pihak berkenaan dapat meneruskan usaha untuk membantu warga USM terutama siswa-siswi.

"Saya menasihatkan agar siswa-siswi lain jangan mengambil kesempatan, biarlah orang yang benar-benar berhak untuk mengambil makanan tersebut", tegasnya.

Sementara itu, Zul Fahmi memuji tindakan warga USM yang turut sama membantu sama ada dalam bentuk kewangan atau apa sahaja. Malah, beliau turut menasihatkan siswa-siswi yang kurang berkemampuan agar jangan malu dan teruskan perjuangan dalam menuntut ilmu.

Pemilik kafe bersihkan persekitaran kafe IK

Langkah yang diambil oleh pemilik kafe Ali Pichey untuk membersihkan longkang-longkang Desasiswa Indah Kembara (DIK), Universiti Sains Malaysia (USM) wajar dipuji.

Menurut pemilik kafe, Muhd Ibnu tersebut, kerja-kerja pembersihan dilakukan mengikut kadar sisa buangan yang terkumpul.

"Kalau sudah banyak sisa buangan yang terkumpul, kami akan ambil langkah segera untuk cuci longkang tersebut. Selalunya kami akan upah beberapa orang pekerja asing untuk cuci longkang yang penuh dengan sisa buangan makanan," kata Ibnu.

Ibnu juga menegaskan bahawa langkah tersebut diambil untuk menjaga kebersihan kafe secara total selain memenuhi tuntutan universiti yang bersifat lestari.

"Boleh dikatakan setiap bulan saya akan memanggil beberapa orang pekerja asing untuk cuci longkang dan angkut segala sisa buangan untuk dibuang", jelas beliau lagi.

Kebiasaannya, sisa buangan yang kami kumpul dalam plastik sampah akan dibuang di kawasan luar USM. Tapi biasanya kami akan upah lori sampah dari dalam USM untuk angkut semua sampah sarap tersebut," tambah beliau.

Mohd Ibnu turut menegaskan kepada semua pengusaha kafe makanan supaya peka terhadap persekitaran kafe setiap masa. Langkah tersebut bukan untuk menjaga kebersihan semata-mata, malah untuk menonjolkan kelestarian USM kepada pengunjung ke USM.

EKSPEN 2015

Faham keperluan pasaran kerjaya untuk elak pengangguran

Permintaan terhadap graduan yang menepati kehendak semasa industri harus selaras dengan penawaran gradusi yang dilahirkan oleh setiap Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US) supaya dapat meningkatkan kebolehpasaran graduasi dan mengurangkan peratusan pengangguran dalam kalangan graduan Universiti Awam (UA) dan Universiti Swasta (US).

Menurut Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr. Omar Osman, USM, bangga dengan peningkatan statistik daripada Kajian Pengesanan Graduan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia mengenai kebolehpasaran graduan USM.

“Peratusan kebolehpasaran graduan USM telah 80.19% pada tahun 2014”, katanya semasa merasmikan Ekspo Kerjaya dan Pendidikan (EKSPEN) 2015.

Menurut Pengurus Sumber Manusia, TDM Berhad Group of Companies, Abdul Hadi Sadan, kriteria yang harus ada dalam graduan adalah cepat belajar dan tidak memerlukan masa yang lama untuk menunjukkan bakat dan kebolehan diri.

“Purata Nilai Gred Kumulatif (CGPA) tidak begitu diambil kira tetapi prestasi semasa temuduga itu lebih penting kerana semasa temuduga, kami akan melihat keterampilan dan menilai kebolehan, kepimpinan, kretiviti dan lain-lain lagi”, katanya.

“Mungkin bagi sesetengah organisasi, CGPA adalah penting tetapi ianya tidak memberi pengaruh yang besar dalam faktor pemilihan pekerja. Namun begitu, CGPA penting dalam bidang pekerjaan yang memerlukan pemikiran analitikal yang tinggi”, katanya lagi.

“Kedudukan universiti juga penting. Walaupun graduan daripada kedudukan universiti yang terbaik tidak mendapat CGPA yang tinggi, tapi mungkin kualiti graduannya lebih baik daripada graduan dari universiti lain yang mendapat CGPA 3.5 dan ke atas. Kehendak terhadap graduan wanita atau lelaki bergantung kepada industri. Objektif syarikat dan kekosongan jawatan semasa akan menentukan jantina yang diperlukan untuk mengisi kekosongan jawatan tersebut”, jelasnya.

“Penglibatan siswa-siswi dalam aktiviti kokurikulum dan persatuan sememangnya memberikan kelebihan kepada siswa-siswi kerana penerapan ciri-ciri kepimpinan, penyelesaian masalah, potensi analitikal, dan lain lain dalam diri graduan tersebut. Kesemua ini sememangnya diperlukan dalam dunia pekerjaan”, tambahnya lagi.

EKSPEN 2015

EKSPEN 2015 gilap bakat siswa-siswi



SEDERHANA... Naib Canselor Universiti Sains Malaysia, Prof Dr. Omar Osman (dua dari kiri) diiringi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar), Prof Dr. Adnan Hussein dan Timbalan Naib Canselor (Bahagian Jaringan Industri dan Masyarakat), Prof Dato Dr. Susie See Ching Mey merasmikan Upacara Perasmian Ekspo Kerjaya dan Pendidikan (EKSPEN) 2015 di Dewan Utama Pelajar USM.

Oleh **MUHAMMAD FAUZI SAMSUDIN**

Unleashing Your Potential adalah tema yang diperkenalkan oleh Ekspo Kerjaya dan Pendidikan (EKSPEN) 2015 untuk mengilap potensi kendiri setiap siswa-siswi.

Selaras dengan itu, EKSPEN telah merangka program yang bersesuaian untuk mencapai objektifnya bermula pada 3 hingga 4 April 2015, di Dewan Utama Pelajar (DUP), Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr. Omar Osman, beliau berasa bangga dan bersyukur atas penganjuran EKSPEN kali ke-14 yang berusaha untuk membantu siswa-siswi USM dan komuniti sekitar.

“Masalah graduan sukar mendapatkan pekerjaan bukannya sahaja berpunca daripada pencapaian akademik tetapi juga disebabkan kemampuan untuk memperkasakan diri dengan pelbagai kemahiran mengikut keperluan semasa”, katanya.

“Keunikan EKSPEN pada kali ini adalah konsep baru dalam majlis perasmian yang cuba membuktikan imej kelestarian tetap utuh dalam sanubari warga USM. Konsep sebegini wajar menjadi ikutan kerana elemen penjimatan yang cuba dicapai dari peringkat universiti dan nasional. Pengenalan bendera EKSPEN adalah usaha yang proaktif untuk penjenamaan, EKSPEN kepada masyarakat umum”, tambahnya lagi.

Menurut Pengarah Projek EKSPEN 2015, Norsyazana Ahmad Zamree, EKSPEN berperanan sebagai medium tersohor untuk menyerlahkan kebolehpasaran graduan masa kini bagi mendapatkan kerjaya yang diidamkan.

“Kita sedia maklum bahawa setiap graduan mempunyai potensi tersendiri dan mempunyai bakat terpendam. Maka, EKSPEN berfungsi untuk menonjolkan potensi yang ada dalam siswa-siswi serta mendedahkan siswa-siswi dari tahun pertama sehinggalah tahun akhir dalam merancang dan menentukan pilihan kerjaya atau melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi”, jelasnya.

EKSPEN 2015

Pendedahan kepada kerjaya dan pendidikan siswa-siswi pada masa hadapan

Ekspo Kerjaya dan Pendidikan (EKSPEN) 2015 adalah platform yang disediakan oleh Pusat Penempatan Graduan dengan kerjasama Jawatankuasa EKSPEN sebagai pendedahan kepada pilihan kerjaya atau melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Menurut Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof Dr. Omar Osman, usahasama antara kedua-dua belah pihak diharapkan dapat diteruskan lagi pada tahun yang akan datang bagi melaksanakan tanggungjawab dalam mencorak anak watan.

“Saya ingin menyeru kepada siswa-siswi USM untuk merebut peluang yang disediakan oleh EKSPEN. EKSPEN telah menghimpunkan pelbagai syarikat yang menawarkan lebih dari 1,000 peluang pekerjaan. EKSPEN membawakan pelbagai aktiviti menarik seperti temuduga terbuka, ceramah kerjaya, klinik resume, klinik kaunseling dan pameran syarikat”, katanya.

Menurut Pengarah Projek EKSPEN 2015, Norsyazana Ahmad Zamree, usaha ini dapat membantu mengurangkan peratusan pengangguran dan mengembangkan potensi siswa-siswi yang sedia ada. Kehadiran syarikat-syarikat sememangnya menjadi batu loncatan kepada siswa-siswi untuk terus berusaha memberikan yang terbaik dan berkhidmat demi anak bangsa.

Usahasama antara kedua-dua belah pihak diharapkan dapat diteruskan lagi pada tahun yang akan datang bagi melaksanakan tanggungjawab dalam mencorak anak watan.

Pementasan adaptasi Jepun pertama di USM

Pementasan teater adaptasi Jepun yang pertama di Universiti Sains Malaysia bakal berlangsung tidak lama lagi. Teater yang bertajuk *Pengganti Zen* akan diadakan di Panggung Pelenggang Cahaya Pusat Pengajian Seni Universiti Sains Malaysia (USM) pada 24 hingga 26 April 2015 ini.

Pengganti Zen ialah merupakan projek tahun akhir pelajar Pusat Pengajian Seni akan menampilkan pementasan Jepun yang jarang dilakukan oleh produksi teater yang lain. Menurut, pengurus pentas yang juga merupakan penolong pengarah, Nabila Huda Ahmad Khosaini, *Pengganti Zen* adalah pementasan teater adaptasi Jepun pertama yang berlangsung di USM.

"Teater berkonsepkan Jepun ini buat pertama kali diadakan oleh Universiti Sains Malaysia dan kemunculan semula di Pulau Pinang selepas tahun 70an dahulu, teater ini dipentaskan di USM untuk membawa kelainan dalam pementasan teater di sini", katanya.

Teater terbitan Gabungan Seni Anak Pulau Pinang (GASEWAP) ini tidak menjangkakan sebarang pulangan. Menurut pereka produksi dan penerbit dua, Lena Farida Hussain Chin semasa ditemubual oleh wartawan Berita Kampus.

Sebagai aktivis yang sering melibatkan diri dalam seni teater mereka tidak memikirkan tentang pulangan sebaliknya berteater itu ialah satu kepuasan.

"Kami sebagai aktivis hanya memikirkan tentang berkarya sebab kami sebagai hanya mahu merasakan kenikmatan berseni dan berkarya itu sendiri, tentang pulangan pula sekiranya ada mana-mana pihak yang mahu mengenengahkan karya kami kepada umum, saya amat bersyukur", katanya.

"Pengganti Zen atau tajuk asalnya 'Hanago' ialah sebuah naskhah sandiwara Kyogen telah diadaptasi ke genre Kabuki yang berjudul 'Migawari Zazen' oleh Okamura Shiko pada tahun 1910. Kemudian ia telah adaptasi ke Bahasa Melayu oleh Roselina Khir Johari dengan mengekalkan konsep Kyogen sebagai pendekatan persembahan", ujar Farida.

"Siwa-siswi yang berminat untuk menyaksikan pmentasan teater *Pengganti Zen* boleh mendapatkan tiket dengan menghubungi 0172738117 atau 0173523166, setiap tiket berharga RM5 dan MYCSD disediakan", tambahnya lagi.



Tayangan preview kedua *Pengganti Zen* yang dilakonkan oleh Shahmi Shaari dan Mohd Shahrizan Maula Mohd Amin. **GAMBAR OLEH NABILAH MAD ZOM.**

Matlamat dan tanggungjawab haruslah selari

Persatuan Ilmu Kemanusiaan telah menganjurkan program Ke Mana Halatuju Mahasiswa di Dewan Kuliah Sains Kemasyarakatan 4 pada 1 April lalu. Program ini berkenaan tanggungjawab siswa-siswi dalam mengenang jasa ibu bapa selepas mengecapi kejayaan pada masa akan datang.

"Siswa-siswi seharusnya mempunyai matlamat yang jelas dan tidak mudah lupa akan tujuan asal datang ke universiti untuk menuntut ilmu. Oleh itu, matlamat dan prinsip pada diri seseorang amatlah penting", kata Fakhrulrazi Ibrahim selaku panel program. Fakhrulrazi Ibrahim salah satu peserta dalam rancangan realiti televisyen Imam Muda Astro Oasis.

Menurut beliau, penuntut ilmu sepatutnya mempunyai empat sebab utama iaitu bermatlamat untuk keluar daripada kejahilan masa lalu, memenuhi tuntutan Ilahi, bekalan hari tua dan perkongsian ilmu kepada orang lain.

"Seseorang perlu berfikiran positif dan belajar daripada kesilapan dan pengalaman masa lepas untuk menghadapi perkara yang bakal dilalui pada masa hadapan. Hal ini demikian kerana kehidupan adalah seperti pusingan roda yang mana kita tidak dapat menjangkakan perkara yang akan berlaku", ujarnya lagi.

Pengarah projek, Asyraf Ramlee mengatakan bahawa program ini diadakan bagi pengisian rohani kepada siswa-siswi. Program tersebut juga lebih berfokus kepada tanggungjawab siswa-siswi untuk mengenang jasa ibu bapa.

Siti Zawiyah, Sains Kemasyarakatan 1, berpendapat bahawa pengisian program tersebut membawa siswa-siswi untuk mengenal diri dan tidak sepatutnya ada perasaan riak setelah mengecapi kejayaan kelak.

"Saya berharap program sebegini diadakan lagi pada masa akan datang supaya siswa-siswi terdedah dengan lebih banyak kupasan topik yang sangat menarik dan sinonim dengan kehidupan harian kita", katanya.

NRIC terapkan bidang seni dan sastera

Oleh **VICTORIA SOFIA**

Novel Research and Innovation Competition (NRIC) tahun ini akan dijadikan sebagai platform untuk menampilkan prototaip dan hasil kajian peserta sebagai cara untuk menyelesaikan masalah sosial pada hari ini. Menurut Pengarah Projek NRIC, Chew Wei Wen, masalah sosial tersebut bukan sahaja tertumpu di peringkat tempatan, malah juga pada tahap antarabangsa.

"Kami telah menumpukan kepada masalah sosial di beberapa negara seperti Jepun, Filipina, Thailand, Brunei, Indonesia dan Singapura", jelas Chew selepas pra-pelancaran NRIC 2015.

Tahun ini, NRIC telah memilih Modernising Innovation Beyond Novelty Research sebagai tema dengan hasrat untuk memodenkan inovasi yang sedia ada.

Tema tersebut berkonsepkan Innovation: Odyssey Beyond Limit yang menjadikan NRIC sebagai platform untuk pertandingan penyelidikan dan inovasi dengan memberikan penekanan terhadap bidang sains dan teknologi dan bidang seni dan sastera.

Apabila ditanya mengenai hubungkait antara bidang sains dan teknologi dan bidang seni dan sastera, Chew telah menjelaskan bahawa ia melibatkan proses untuk mengubah sesuatu yang abstrak kepada konkrit.

"Sebagai contoh, kita tidak semestinya akan membaca novel, malah dengan penyelidikan dan inovasi kita boleh mentransformasikan novel itu sebagai sesuatu yang abstrak kepada konkrit", jelasnya.

NRIC telah melakukan perubahan dalam usaha gerak kerja dengan merujuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memastikan setiap Universiti Awam dan Universiti Swasta untuk menghantar sekurang-kurangnya satu projek.

Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman berharap upacara pra-pelancaran itu akan membantu NRIC untuk menerima banyak penyertaan dan projek penyelidikan yang telah dilaksanakan di peringkat tahun akhir untuk dipertandingkan.

Tahun ini ialah tahun ke-9 NRIC diadakan dan akan berlangsung pada 9-12 Ogos 2015 di Kampus Induk, Universiti Sains Malaysia dan dibuka kepada siswa-siswi tahun akhir ijazah pertama IPT dari seluruh Asia.

Tema tersebut berkonsepkan Innovation: Odyssey Beyond Limit yang menjadikan NRIC sebagai platform untuk pertandingan penyelidikan dan inovasi dengan memberikan penekanan terhadap bidang sains dan teknologi dan bidang seni dan sastera.

Bintang U-voice bakal dilahir

Bintang penyanyi siswa-siswi universiti bakal dilahir! U-voice, Pertandingan Menyanyi Universiti Peringkat Kebangsaan anjuran Unit Nyanyian Persatuan Bahasa Tionghua Universiti Sains Malaysia (PBT USM) kini telah mendapat 210 orang peserta yang mendaftar untuk merebut juara penyanyi pada April ini.

Hadiah lumayan akan disediakan kepada pemenang pertandingan U-voice pada pusingan akhir. Juara U-voice akan menerima RM1000, piala dan baucer. Naib johan akan menerima RM500, tempat ketiga RM300 dan masing-masing turut dihadiahkan dengan piala dan baucher.

Pertandingan ini berjaya mendapat pendaftaran peserta dari beberapa buah universiti dan kolej. Antaranya termasuk peserta dari USM, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kolej Inti, Kolej Han Chiang, Kolej KDU dan lain-lain lagi.

Menurut Pengarah Projek, Chuah Shin Yee, pertandingan ini dibahagi kepada tiga peringkat iaitu peringkat uji bakat, pusingan separuh akhir dan pusingan akhir.

"Pusingan separuh akhir akan diadakan pada 10 April 2015 manakala pusingan terakhir pada 19 April 2015. Kedua-dua pusingan tersebut akan diadakan di Penang Times Square dan bermula pada pukul 6 petang", kata Chuah.

"Jangan kehilangan peluang ini untuk mendengar nyanyian lagu Mandarin dan Inggeris yang akan dipersembahkan oleh peserta kami. Seluruh warga USM dan orang ramai adalah dijemput hadir kerana kemasukan adalah percuma!" tambah Chuah lagi.

Pusingan separuh akhir akan diadakan pada 10 April 2015 manakala pusingan terakhir pada 19 April 2015. Kedua-dua pusingan tersebut akan diadakan di Penang Times Square dan bermula pada pukul 6 petang.

Siswa-siswi perlu kenalpasti kelebihan diri

Oleh **NURUL KHAIRIAH MOHAMED YUSOF**

Siswa-siswi kini menghadapi cabaran yang besar selepas bergraduasi disebabkan persaingan yang sengit dalam pasaran pekerjaan. Mereka perlu punya keyakinan dan sedar akan kelebihan diri sebelum menghadiri sesi temuduga dengan bakal majikan.

Menurut Pengarah Pusat Latihan dan Konsultasi Eklass Emas, Badrul Hisham Termizi dalam ucapannya di Program Cakna Ilmu 2: Furnishing School di Universiti Sains Malaysia (USM) pada 28 Mac, sabtu lepas, berkata, graduan universiti perlu mencungkil potensi diri mereka dengan membuang perasaan malu bagi menonjolkan bakat yang sedia.

"Semasa sesi temuduga, kamu perlu yakinkan penemuduga untuk mengambil kamu bekerja di syarikat mereka. Sediakan diri dengan latar belakang syarikat dan deskripsi kerja yang kamu inginkan sebelum sesi temuduga. Hal ini boleh mengelakkan sebarang kesalahan dalam penerangan dan meningkatkan keyakinan diri", katanya.


Tambah Badrul lagi, universiti boleh menjadi platform terbaik untuk mengasah bakat kepimpinan dan belajar mengendalikan masalah dengan baik. Misalnya, dengan menjadi ketua ataupun penyelaras program universiti.

Menurut Pengurus Program Eklass Emass, Elis Eliza Ahmad, antara kaedah untuk meningkatkan keyakinan semasa sesi temuduga ialah calon perlu memastikan penampilan diri kemas dan formal. Hal ini boleh meningkatkan keyakinan penemuduga untuk memberikan perhatian kepada calon dan juga memberikan tanggapan positif pada diri calon.

"Pastikan pemakaian semasa temuduga kemas dan formal. Bersihkan kuku pada jari tangan dan pakai kasut tertutup. Selain itu, latih diri untuk senyum dan berjalan dengan stabil tanpa membongkok. Hal ini boleh memberikan postur tubuh yang baik. Wangian yang digunakan juga perlulah sederhana dan tidak mengganggu tumpuan penemuduga", tambahnya lagi.

Menurut Elis lagi, sebagai bakal graduan, siswa-siswi perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan potensi diri dan mengelakkan sikap putus asa dalam mencapai cita-cita yang dinginkan.

"Gagal dalam satu sesi temuduga tidak bermakna anda akan gagal selama-lamanya untuk menceburi bidang yang diingini. Keyakinan dan kegigihan untuk berusaha akan membuatkan anda bangkit semula dan mencari kelemahan yang boleh diperbaiki untuk masa depan yang lebih cerah", katanya sebelum mengakhiri ucapannya.



BERSEMANGAT...Pengarah Pusat Latihan dan Konsultasi Emklass Emass, Badrul Hisham Termizi memberikan panduan kepada para peserta Cakna Ilmu 2: *Furnishing School* untuk mengelakkan tanggapan negatif semasa sesi temuduga.

PRN sambut ulang tahun ke-20

Sempena menyambut 20 tahun penubuhan Pusat Racun Negara (PRN) di Universiti Sains Malaysia (USM) telah mendapat sambutan hebat daripada warga kampus dan komuniti luar bagi memeriahkan lagi Mini Karnival Pusat Racun Negara 2015 anjuran Kelab PRN Sejahtera yang diadakan pada 3 April lalu.

Menurut Pengerusi Kelab PRN Sejahtera, Mohd Fadhli Razali, Mini Karnival PRN ini adalah permulaan program secara bersiri yang akan dijalankan sepanjang tahun 2015 sempena menyambut 20 tahun penubuhan PRN sejak awal penubuhannya pada tahun 1994.

"Karnival ini juga bertujuan untuk menghebahkan fungsi utama PRN kepada warga kampus dan komuniti luar. Kelab PRN juga bercadang akan mengadakan aktiviti susulan di dalam dan luar kampus seperti pertandingan fotografi, menulis esei dan aktiviti bersama komuniti luar sepanjang tahun ini", katanya.

Fadhli berkata, karnival ini bermula sejak awal 9 pagi hingga 5 petang telah berlangsung pelbagai aktiviti menarik seperti pertandingan mewarna, permainan Toxland, gerai jualan dan cabutan bertuah di samping terdapat pameran daripada PRN untuk mendedahkan fungsi dan peranan PRN kepada pengunjung.

PRN adalah sebuah institusi peringkat negara yang pertama ditubuhkan di Malaysia sebagai pusat sumber rujukan maklumat berkenaan ubat dan racun dengan kelulusan Jemaah Menteri pada tahun 1994.



TEKUN
Kanak-kanak menyertai pertandingan mewarna di Mini Karnival Pusat Racun Negara 2015 memeriahkan lagi suasana karnival yang berlangsung di Foyer Pusat Racun Negara USM pada 3 April lalu.





Seni tangan terajui pembuatan pingat

Penganugerahan Darjah Kebesaran dan kurniaan bintang lazimnya berlangsung dalam majlis penuh beristiadat dan ianya amat sinonim dengan majlis Diraja melibatkan orang kenamaan, pembesar atau pemimpin negara.

Bersesuaian dengan tahap dan keistimewaannya yang tersendiri, setiap penganugerahan pingat akan dijalankan secara eksklusif kepada penerima. Oleh itu, kualiti pembuatan pingat yang dikurniakan amat dititikberatkan oleh Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd.

Dengan menggabungkan seni tangan dan teknologi, Mariwasa berupaya menghasilkan pelbagai rekabentuk yang diinginkan oleh setiap pelanggan eksklusifnya itu. Biarpun proses pembuatannya agak rumit kerana memerlukan kemahiran dan ketelitian yang tinggi oleh pekerjanya namun setiap tempahan mampu disiapkan dengan sempurna.

Bermula dengan tempahan, rekabentuk pingat akan dilakar terlebih dahulu. Lakaran tersebut kemudiannya akan dibentuk menggunakan tanah liat (*sculpey*) selama tiga hari dengan menggunakan tangan. Kebiasaannya, hasil lakaran menggunakan *sculpey* berbentuk muka seorang pemimpin akan ditunjukkan kepada penempah terlebih dahulu sama ada memerlukan perubahan ataupun tidak.

Kemudian, *sculpey* ini akan melalui proses pendigitalan iaitu proses di mana lakaran akan diimbas ke dalam sistem komputer bagi tujuan menyesuaikan rekabentuk lakaran untuk acuan pingat. Sungguhpun acuan ini menggunakan mesin berteknologi tinggi namun Mariwasa masih menggunakan 60 peratus pembuatan tangan. Oleh itu, kemahiran memahat akan digunakan bagi memperkemaskan lagi acuan untuk memperoleh rekabentuk timbul seperti 3D pada pingat.

Pada masa yang sama, proses blanking turut dijalankan. Proses blanking ialah proses di mana kepingan perak, emas atau gangsa akan dipotong dalam bentuk bulatan untuk dijadikan pingat. Lebihan kepingan ini seterusnya akan dijual kepada pembekal bahan mentah Mariwasa dan dileburkan untuk menjadi kepingan semula.

Seterusnya, proses *presswork* akan dilakukan dengan menggunakan mesin tekan. Dalam proses ini, kepingan perak, emas atau gangsa yang dipotong sebentar tadi akan diletakkan dibahagian tengah acuan dan ditekan untuk mendapatkan rekabentuk seperti diacuan. Mesin tekan ini mampu menekan sehingga 300 tan metrik dan sudah digunakan sejak tahun 1980 tetapi dengan rekabentuk mesin yang berbeza pada ketika itu.

Apabila rekabentuk tersebut telah terhasil, ianya akan dipotong dengan menggunakan mesin laser dan alat pengikis. Walaupun mesin laser mampu mendapatkan bentuk yang statik dan menjimatkan masa pengeluaran pingat, namun kemahiran mengikis juga diperlukan untuk melicinkan permukaan dan mengilatkan bahagian tepi pingat selepas dipotong oleh mesin laser.

Meskipun Mariwasa menggunakan teknologi yang canggih bagi membantu proses pengeluarannya namun, dalam proses *piercing* kerja-kerja memperhalusi ukiran pingat akan dilakukan oleh pekerjanya yang berkemahiran agar pingat tampak lebih kemas. Proses ini memerlukan ketelitian yang tinggi. Oleh itu, pakar yang sudah dilatih bertahun-tahun sahaja mampu melakukan proses ini kerana kemahiran menghasilkan ukiran yang statik sangat dititiberatkan manakala ukiran yang terkeluar dari garisan yang sepatutnya tidak akan diambil kira oleh Mariwasa.

Setelah selesai, pingat ini akan melalui proses *enamelling* iaitu mewarnakan bahagian-bahagian tertentu yang terdapat pada pingat mengikut pilihan warna yang telah ditetapkan. Proses ini memerlukan sentuhan tangan sepenuhnya dari proses mewarna sehinggalah ke proses pembakaran. Pingat yang sudah siap diwarnakan akan dibakar bagi memastikan warna pingat tersebut kekal menggunakan penunu Bunsen. Pingat akan dibakar pada suhu 20ºC hingga 30ºC.

Akhir sekali, bahagian-bahagian pingat yang terdiri daripada beberapa saiz ini akan digabungkan untuk menjadi satu set kalung atau digabungkan dengan fabrik berwarna bagi menghasilkan satu set pingat yang lengkap dalam proses *assembly* atau pemasangan. Mungkin kita terfikir proses ini tidak sesukar seperti proses yang lain tetapi bagi Mariwasa proses ini adalah penting kerana ia perlu dilakukan mengikut susunan pingat yang betul.

Dalam satu set kalung sahaja memerlukan 30 bahan untuk disambung dan kalung yang ditempah ini bukan dalam kuantiti yang sedikit. Walaupun dilihat seakan mudah namun kemahiran menyambung akan dipelajari oleh kesemua staf di Mariwasa kerana terdapat sesetengah tempahan yang banyak diperlukan dalam masa yang singkat. Contohnya, 3,000 pingat dalam masa dua bulan. Maka, Mariwasa akan mengumpulkan hampir kesemua stafnya untuk melakukan proses penyambungan ini.

Walaupun seni tangan menerajui pembuatan pingat di Mariwasa namun kewujudan teknologi yang canggih secara tidak langsung telah meningkatkan produktiviti serta melancarkan operasi pembuatan ini.

Mariwasa hasil unsur kesenian

Pembuatan pingat Darjah Kebesaran Diraja merupakan kesenian yang unggul dalam budaya Melayu. Sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1400, seni ukiran telah digunakan pada rumah kediaman dan istana-istana lama. Kehalusan seni ukiran Melayu bukan calang-calang warisan yang mudah dipelajari kerana kehalusan seni tangan membuktikan ketinggian nilai estetikanya.

Maka, tidak hairanlah seni tangan ini telah digunakan dalam pembuatan pingat Darjah Kebesaran Diraja yang merupakan salah satu hasil seni ukiran Melayu. Namun, disebalik kehalusan pingat-pingat yang dianugerahkan itu sebenarnya adalah hasil pembuatan syarikat tempatan yang telah lama bertapak di Kuala Kangsar, Perak yang dikenali sebagai Mariwasa Kraftangan Sdn Bhd.

Kedudukan syarikat ini sebenarnya cukup padan dengan nama jolokan pekan ini yang dikenali sebagai Bandar Diraja. Di sini hampir 90 peratus pengeluaran penerim Kebesaran mahupun kurniaan b Malah, Mariwasa juga merupak cenderahati eksklusif serta bara berasaskan emas, gangsa dan p

Mariwasa dahulunya dikena Saunders Medallist. Kemudian nama Mariwasa Kraftangan pa yang merupakan singkatan dari 'mahu cari wang sahaja'. Ianya lambangkan identiti sebuah sya Malaysia.

Yang menariknya perniagaa perusahaan warisan keluarga se lagi. Pada awal penubuhan, Ma mengeluarkan kraftangan serta tempahan duit syiling. Kini, de 40 tahun pengalaman Mariwasa menghasilkan produk yang berk mendapat sokongan daripada k sehingga menjadi pembekal pin

Warisan Mariwasa ke

Mariwasa Kraftangan yang pada awalnya diasaskan oleh Datuk Megat Abdul Wahab Megat Abu Bakar kini telah diwarisi oleh anak sulungnya Puteri Nor Hajar Megat Abdul Wahab. Hajar merupakan anak sulung daripada lapan orang adik beradik dan mengambil alih perniagaan ini untuk mengekalkan warisan pembuatan pingat Darjah Kebesaran Diraja.

Pada tahun 1992, syarikat tersebut telah berpindah dari Cheras, Kuala Lumpur ke Kuala Kangsar kerana Dato Megat Abdul Wahab berharap perniagaan yang melibatkan pembuatan pingat Darjah Kebesaran Diraja akan tampil unggul jika lokasinya berdekatan dengan bandar diraja dan kini ia telah menjadi realiti.

Hajar berjaya mengekalkan keunggulan Mariwasa dalam pasaran tertumpu walaupun menghadapi saingan yang hebat dari Elitkraf Sendirian Berhad yang juga mengusahakan pingat Darjah Kebesaran Diraja disebabkan beberapa faktor. Antaranya adalah kualiti pembuatan pingat yang kukuh, pekerja mahir, reputasi terhadap perkhidmatan yang baik, serta pengekalan nilai kesenian pada pingkat-pingkat yang dihasilkan.

Menurut Pengurus Sumber Mariwasa Kraftangan, Masmud nilai kesenian pada pingat berga kehendak dan idea daripada pa Mariwasa akan sentiasa berusal pingat yang dapat memenuhi ci untuk mengekalkan mutu perkh

Seterusnya, aspek pemindal dan kemahiran memainkan pera dalam pengekalan warisan pem Mariwasa. Tiga medium utama dalam aspek tersebut adalah lat pusingan kerja, serta program n

Pusingan kerja merujuk kep untuk menimba pengetahuan da kemahiran dalam setiap proses pingat secara bergilir. Misalnya mempelajari proses untuk meng sekaligus perlu mendalami pros mengikir dan sebagainya dalam masa yang ditentukan. Program bertujuan untuk melatih pekerja dalam kemahiran pembuatan ol berpengalaman. Selain itu, latih juga memainkan peranan yang



[DARI KIRI] Antara pingat-pingat yang dihasilkan oleh Mariwasa; Pingat Sultan Ibrahim (PSI) yang dihasilkan oleh Mariwasa; Rekabentuk *sculpy* yang telah siap dan dijadikan pingat.

lkan pingat n

na pingat Darjah
pintang dihasilkan.
kan pengeluar
ngan perhiasan
erak.
ali dengan nama
ditukar kepada
da tahun 1979
pada perkataan
sebagai
rikat tempatan di

n ini adalah
ak tahun 1975
riwasa hanya
menerima
ngan mempunyai
mampu
kualiti dan
erabat Diraja
gat Diraja.

Menurut Pengurus Sumber Manusia, Masmudin Rabien, pelanggan Mariwasa juga terdiri daripada kerajaaan persekutuan, 11 kerajaan negeri, ahli kerabat Diraja, Bank Negara Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia dan lain-lain badan beruniform serta agensi kerajaan.

Mariwasa terus mengorak selangkah dengan meluaskan pengeluarannya menerusi pembuatan pingat kebesaran yang diperbuat daripada gangsa, perak dan emas. Proses pembuatan setiap pingat di sini memerlukan kemahiran dan ketelitian yang tinggi bagi memastikan hasil keluaran Mariwasa menepati piawaian yang ditetapkan.

Pasaran perusahan seperti ini adalah tertumpu yang mana meletakkan syarikat Elitkraf sebagai pesaingnya. Syarikat Elitkraf memiliki 10% dalam pasaran Malayia. Mariwasa menjadikan rahsia kejayaannya adalah dari segi kekuatan teknologi, sejarah lepas, pengalaman, pekerja yang berkemahiran dan perkhidmatan yang memuaskan hati para pelanggannya. Selain mengekalkan kualiti seni tangan yang ada pada setiap pingat keluarannya.

Meskipun Mariwasa turut menggunakan kecanggihan teknologi dengan kedatangan mesin-mesin baru namun, kehalusan seni tangan tetap diperlukan. Gabungan seni tangan dan teknologi tempatan ini cukup membanggakan apatah lagi dengan kelebihan ini membolehkan Mariwasa menguasai 90 peratus pasaran perniagaan yang seumpamanya di Malaysia.

Di sebalik nilai kesenian pingat yang terserlah, faktor rekabentuk, proses pembuatan yang berkualiti, penggunaan teknologi canggih serta usaha dalam mengekalkan warisan pembuatan pingat Darjah Kebesaran Diraja memainkan peranan yang penting.

kal unggul

Manusia,
ldin Rabien,
antung kepada
a pelanggan.
na menghasilkan
ta rasa pelanggan
nan pengetahuan
nan yang penting
buatan pingat di
yang digunakan
ihan intensif,
mentor.
ada proses
n meningkatkan
pembuatan
, individu yang
gukir pingat
ses mewarna,
tempoh
mentor pula
-pekerja baru
eh pekerja yang
an intensif
penting dalam

mengekalkan warisan pembuatan pingat Darjah Kebesaran Diraja.

Latihan intensif adalah agak berbeza kerana ia tertumpu kepada pekerja-pekerja lepasan SPM dan STPM yang tidak mempunyai pengkhususan dalam bidang seni. Oleh itu, mereka akan didedahkan dengan pengetahuan teori dan praktikal dalam pembuatan pingat dari semasa ke semasa. Kemahiran mereka dari segi penghasilan pingat berkualiti akan dipantau oleh pihak pengurusan Mariwasa. Melalui tiga medium utama tersebut, para pekerja tidak akan terlepas daripada mendalami kemahiran yang diperlukan untuk mengekalkan warisan pembuatan pingat Darjah Kebesaran Diraja.

Mariwasa mengambil langkah kanan dalam mengekalkan warisan pembuatan pingat Darjah Kebesaran Diraja dengan membuka peluang kepada para pekerja untuk melanjutkan pengajian dalam bidang seni di Universiti Awam pilihan masing-masing. Yuran pengajian mereka akan ditanggung sebanyak 50% hingga 100% bergantung kepada hasil pendapatan isi rumah. Peluang ini disediakan sebagai pendorong kepada warga Mariwasa Kraftangan untuk menimba ilmu pengetahuan seterusnya meningkatkan kemahiran yang sedia ada dalam warisan pembuatan pingat Darjah Kebesaran Diraja

Menurut Masmudin Rabien, kebanyakan pekerja mahir dalam proses mengukir pingat berasal dari kawasan pedalaman di Kelantan kerana mereka akan didedahkan kepada kesenian pembuatan sejak kecil lagi. Faktor demografi iaitu usia sememangnya tidak berkait rapat dengan penglibatan tenaga kerja dalam bidang pembuatan pingat ini tetapi segala-galanya bergantung kepada minat seseorang individu.

Azila, salah seorang pekerja mahir dalam proses mengukir pingat di Mariwasa mengatakan bahawa minat dan kesabaran adalah faktor utama yang mendorong seseorang individu untuk menceburi bidang pembuatan pingat yang mementingkan nilai kesenian ini. Jikalau seseorang individu dapat menghayati nilai kesenian dalam pembuatan pingat, sudah tentu warisan tersebut dapat dikekalkan untuk selama-lamanya.

Keunikan kesenian rekabentuk

Bangsa Melayu kaya dengan pelbagai adat, budaya dan warisan turun temurun. Hal ini merupakan keunikan yang tidak ternilai kerana setiap daripadanya mencerminkan kesenian Melayu itu sendiri dan salah satu daripadanya adalah rekabentuk Pingat Darjah Kebesaran Diraja.

Rekabentuk pingat Darjah Kebesaran hanya melibatkan pemerintah yang baru ditabalkan sahaja. Pengurus Sumber Manusia, Mariwasa Kraftangan, Masmuddin Rabien menerangkan bahawa setiap rekabentuk pingat adalah tetap sehinggalah digantikan dengan pemerintah yang baru.

Beliau mengambil contoh, Sultan Nazrin Shah yang menggantikan ayahandanya Sultan Azlan Shah berkemungkinan akan menggantikan pingat kebesaran pada hari keputeraanya kelak.

Mariwasa Kraftangan mempunyai kakitangan khas yang bertanggungjawab dalam hal ehwal rekabentuk pingat Darjah Kebesaran. Kakitangan khas untuk melakar dan menghasilkan pelan cadangan terdiri daripada lima orang.

Masing-masing mempunyai kepakaran yang diiktiraf oleh Universiti Awam. Hal ini selari dengan kehendak dan ciri-ciri kakitangan yang diperlukan oleh Mariwasa kraftangan.

Masmuddin Rabien turut menyatakan syarikat memerlukan ciri-ciri tenaga pereka yang bukan sahaja lepasan Universiti Awam yang terkemuka tetapi boleh menghasilkan idea yang menakjubkan dan dalam masa yang sama boleh merealisasikan idea yang dijana.

Bagi beliau, terdapat kekangan tenaga pereka masa kini kerana ramai yang hanya tahu merekabentuk tetapi tidak boleh menghasilkan produk seperti idea yang dicetuskan.

"Pihak syarikat akan menyenarai pendek calon yang memohon jawatan sebagai pereka berdasarkan pengalaman dan portfolio yang diberikan. Calon-calon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga dan menyelesaikan tugas yang diberikan.

Hanya calon-calon yang memenuhi kriteria seperti mempunyai bakat kesenian yang menyerlah akan diterima bekerja di syarikat tersebut", ujar Masmuddin Rabien lagi.

Masmuddin Rabien menyatakan terdapat dua kaedah yang digunakan dalam proses merekabentuk pingat-pingat Darjah Kebesaran iaitu pelanggan memberi cadangan rekabentuk pingat yang diinginkan dan keduanya, pihak Mariwasa Kraftangan sendiri yang akan memberi cadangan rekabentuk yang bersesuaian.

Penolong Pengurus Kreatif, Mariwasa Kraftangan, Sharifah Nadzirah berkata pereka akan menggunakan kepakaran untuk menghasilkan lakaran yang menepati kehendak pelanggan. Pereka akan menghasilkan beberapa lakaran yang bersesuaian dan mendapatkan pandangan pelanggan untuk sebarang penambahbaikan.

Sepanjang pengalaman beliau berkhidmat selama 22 tahun sebagai salah seorang pereka, Sharifah Nadzirah menyatakan rekabentuk pingat yang paling sukar untuk dihasilkan adalah pingat Sultan Ibrahim (PSI) dari Johor yang memerlukan hampir 90 peratus kerja tangan. Antaranya lakaran potret wajah Sultan di pingat tersebut yang memerlukan ukiran secara terperinci, halus dan berkualiti.

Pingat ini memerlukan masa dua hingga empat hari untuk disiapkan lakarannya bergantung kepada kehendak pelanggan. Pingat Sultan Ibrahim Johor (PSI) ini dianugerahkan ketika sambutan Hari Pertabalan Sultan Ibrahim pada 23 Mac yang lalu.

"Pingat yang paling mudah dihasilkan pula adalah Pingat Jasa Kebaktian yang dikurniakan kepada seseorang atas perkhidmatan kepada negeri dalam apa jua lapangan sekali pun. Pingat ini tidak memerlukan lakaran yang rumit, hanya berbentuk bulat dan tiada lapisan yang kompleks", jelas beliau.

Kehalusan lakaran rekabentuk Pingat Darjah Kebesaran masih mengekalkan warisan tradisi Melayu yang setiap daripadanya mengandungi makna-makna tertentu. Sharifah Nadzirah menyatakan simbol-simbol yang ditonjolkan dalam Pingat Darjah Kebesaran berkait rapat dengan adat istiadat Diraja setiap negeri.

Semua simbol yang terkandung menunjukkan ciri-ciri sesuatu negeri. Sebagai contoh, Pokok Pinang dan jambatan menggambarkan negeri Pulau Pinang. Begitu juga dengan bucu-bucu di sekeliling pingat yang membawa makna bilangan daerah dalam negeri tersebut.

Warna-warna yang berbeza berkait rapat dengan kehendak pemerintah melambangkan diri baginda atau sejarah negeri.

"Unsur kesenian dalam Pingat Darjah Kebesaran berkait rapat dengan adat Diraja dan adat negeri. Semuanya bergantung kepada pemerintah kerana tidak semua pemerintah berketurunan Melayu asli. Setiap pemerintah akan menonjolkan kesenian yang diwarisi keturunannya", jelas Sharifah Nadzirah.

"Dalam penghasilan pingat, kita masih menggunakan pahat sebagai alat untuk mendapatkan hasil yang halus dan cantik kerana tidak semua bahagian boleh dilakukan oleh mesin. Pahat yang digunakan sejak turun temurun lagi menjadikan keluaran produk sentiasa mengekalkan tradisi Melayu", tambahnya lagi.

Gua Kelam, gua bijih timah bersejarah di Malaysia

Oleh **NURHABIBAH NORDIN**

Gua Kelam merupakan salah satu gua batu kapur Formasi Setul yang terletak dalam Banjaran Nakawan di Perlis dan terkenal dengan lombong bijih yang menghasilkan bijih yang bermutu tinggi.

Menurut sejarah, nama Gua Kelam diambil sempena kegelapan yang wujud di dalam gua itu sendiri. Gua tersebut begitu kelam tanpa ditembusi cahaya daripada luar. Pada tahun 1935, seorang warga Inggeris menyedari bahawa laluan sungai di gua ini merupakan laluan yang yang baik untuk mengangkut bijih timah dari lombong berhampiran sungai ini ke Kaki Bukit. Para pelombong menggelarkan gua tersebut sebagai Gua Kelam kerana terpaksa menggunakan lampu karbid untuk menerangi kawasan dalam gua sepanjang menjalankan aktiviti mengeluarkan bijih timah.

Gua ini terletak di pinggir pekan Kaki Bukit iaitu kira-kira 33 km dari Kangar. Gua Kelam ini memiliki keluasan sebanyak 2000 hektar dan telah diwartakan sebahagian daripada Taman Negeri Perlis pada 3 Julai 2008.

Pekan yang berdekatan dengan Gua Kelam ialah Pekan Kaki Bukit iaitu sejauh 500 meter. Terdapat sebuah terowong semula jadi sepanjang 370 meter di dalamnya. Terowong tersebut menjadi daya tarikan para pelancong yang hadir. Terdapat juga jambatan gantung yang menjadi laluan pelancong untuk masuk ke dalam gua. Keunikan yang terdapat di dalam gua tersebut ialah Sungai bawah tanah yang yang mengalir di dalamnya mengalir ke Sungai Perlis. Sungai bawah tanah yang panjangnya lebih kurang 400 meter mengalir melalui banjaran batu kapur dapat dilihat semasa anda melalui gua . dan perkara ini adalah fenomena kejadian semulajadi yang wujud sepanjang kewujudan gua ini.

Menurut Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, YB Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz menyatakan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan merancang untuk menjadikan gua ini sebagai destinasi pelancongan utama dengan menggelarnya "Secret Garden of Perlis" sebagai daya penarik.

Terdapat beberapa keunikan yang terdapat di Gua Kelam antaranya keretapi mini yang mempunyai 10 gerabak disediakan untuk pengguna. Kereta api mini bertujuan untuk memudahkan para pelancong menikmati alam sekitar sepanjang berada di dalam Gua Kelam tersebut. Sekiranya pelancong menaiki keretapi api, perjalanan mereka akan mengambil masa 30 minit dengan perjalanan sejauh 400 meter. Walaubagaimanapun, ketika penulis berada di Gua Kelam tersebut, keretapi itu sedang diselenggara untuk meningkatkan mutu perkhidmatan keretapi.

Selain itu, para pelancong juga berpeluang melihat landasan troli biji timah yang telah dibina dari besi dan kayu pada zaman dahulu kala. Para pelombong telah menggunakan besi dan kayu itu secara tersusun sebagai sempadan kawasan di dalam gua ini. Bukan itu sahaja, pembinaan pintu gerbang turut dibina oleh para pelombong untuk menanda kawasan sempadan di dalam gua tersebut.





[ATAS] Batu tersusun yang menarik perhatian para pelancong ke dalam Gua Kelam. **[BAWAH] ANTARA ARTIFAK...** biji timah mentah yang dipamerkan di dalam Galeri Gua Kelam.

Selain menikmati air sungai bawah tanah yang mengalir dan merasai suasana berada di zaman dahulu kala, para pelancong juga boleh menikmati keindahan alam sekitar dengan flora dan fauna yang terdapat di dalam Gua Kelam tersebut. Antara binatang yang terdapat di dalam gua tersebut ialah kelawar, ular, labah-labah dan pelbagai lagi serangga. Haiwan-haiwan ini dipantau oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dan tidak menganggu para pelancong.

Sepanjang perjalanan ke Gua Kelam, terdapat sebuah lagi gua yang terletak 100 meter dari Gua Kelam. Gua ini merupakan sebahagian daripada Gua Kelam. Para pelancong hanya perlu membayar RM1 untuk masuk ke dalam gua tersebut. Walaupun gua ini hanya mempunyai jarak 340 meter berbanding Gua Kelam, para pelancong juga dapat menikmati pelbagai keunikan di dalamnya. Antara keunikan yang terdapat di dalam gua tersebut adalah pembentukan batu berskala. Batu berskala merupakan batu yang tersusun secara semulajadi. Para pelancong tempatan dan asing boleh menikmati pembentuk batu berskala tersebut menggunakan sebuah laluan kayu yang diterangi cahaya lampu yang disediakan khas di dalam gua tersebut.

Semenjak pembukaan Gua Kelam pada awal tahun 2008, tempat ini semakin kerap dilawati para pelancong dari dalam dan luar negara. Meskipun sudah 7 tahun pembukaan Gua Kelam ini, sejarah perlombongan di dalam gua ini masih terpelihara. Lebih 3000 pelawat telah dicatatkan hanya dalam masa dua bulan iaitu antara bulan Febuari dan Mac 2008. Bukan itu sahaja, Gua Kelam ini juga menerima kehadiran 20 kumpulan pelawat daripada peringkat sekolah rendah sehingga ke institut pengajian tinggi (IPT) dan juga pelancong dari pelbagai latar belakang yang berbeza.

By **VICTORIA SOFIA**

Nine Sada Borneo members were in the room that evening, all sitting around a table. Yet, none of them seem to be able to recall when they started playing as a band together – it just seemed like they have been together forever.

At that moment, the atmosphere of the room was confusing yet whimsical, as all of the members tried to figure out the exact year they started to perform as Sada Borneo.

In that room, some of Borneo's best musicians came together to form Sada Borneo: Hallan Hashim, Bob Harris Nobert, Allister Changat, Julian Frederick, Nick Fadriel, Tommy Lau, Alvin Yong Shee Meng, Mohd Hilmi Mohd Isa and Mohamad Hariz Aminuddin. Here's a fun fact: Mohd Hilmi and Mohd Hariz are neither from Sabah or Sarawak, but they understood the music of Borneo very well and appreciated the contribution of Borneo music to the cultural diversity of Malaysia.

The band uses a sape, a keyboard, a guitar, an electric bass and various traditional percussional instruments, such as the rainstick, to create their version of Borneo music.

If you have been to Malam Citra Bayu or Malam Bumi Kenyalang (MBK), two of the biggest annual musical events in Universiti Sains Malaysia (USM), Sada Borneo might be very familiar to you. They are responsible for introducing Borneo traditional music up close to the students here. Their music, as I recall, was big, loud, wild, unstoppable and exotic, recreating the sounds of nature, mirroring the wild Borneo rainforest.

"Wait, what year is this again?", asked Hallan Hashim, a soft-spoken and reserved young man, to the rest of the band members. He looked confused as he explained the creation of Sada Borneo, which according to him started way back in 2011.

Prior to that, he was sharing his story on how they got together as a band. Before Sada Borneo existed, there was only Hallan and Wilker Libin, who performed together as a hobby. Today, Sada Borneo officially consists of 11 members, but the number of members performing at any one time are flexible, depending on the scale of the performances they appear on.

"In 2012, I invited a few more of my friends, Hilmi, Alvin, Allister and Ravi, to perform for MBK. For this year (pause)...eh, did I skip 2013?", a confused Hallan asked himself and looked at everyone as he continued to relate the history of the band to me.

There was a bit of buzz in the room after that, as each of the members attempted to recall and correct one another on the actual year they started performing as a band. In the end, they agreed that they started to perform as a band in a performance in 2012. There was one thing they all agreed on from the start, though: they knew that they were meant to make music together after performing on that fateful night.



Sada Borneo members reviving tradisional musics as a way forward in music. **PHOTO BY KELVIN TAN KIAN**

An evening with Sada Borneo

The music of Sada Borneo is very captivating, as it includes elements of some of the sounds that you can hear in a rainforest. From the cadence of the pelting rain, the chirping sound of birds or a croacking frog just before the rainfall, Sada Borneo plays it all, but with a modern twist.

The name 'Sada Borneo', however, only came about in 2013 during MBK. According to Hallan, the name 'Sada Borneo' fits very well with what they want to present to the audience as a band. They thought of the name at the very last minute after the emcee asked them to come up with a name. The impromptu brainstorming session left them with few options for the band's name.

"We thought of a few names, which were Suara Borneo, Nyawa Borneo ('nyawa' means 'voice' in the Iban language, but Hallan thought that it sounded weird) and Bunyi Borneo. Finally we agreed to use 'Sada'", explained Hallan, while Allister jokingly interjected that "Alvin and the Chipmunks" could have been one of the suggested names for their band.

"Not many people will try to come up with a band name before they perform", Nick added playfully.

"We play music first, then think of the band's name. We knew that we will get this far", said Allister with pride.

"Are we really that far? But we're still here", replied Nick jokingly. Then, the whole room erupted with laughter. With their sense of humour, there is no doubt that they do get along well together – their closeness as good as their music.

Taking a step backwards as a way forward in their musical sound, Sada Borneo's music is an example of the manifestation of Borneo's rainforest music. Having 11 members could be a difficult task to handle when it comes to assigning who should be playing some of the musical instruments.

That question often causes the band members to let out a collective loud sigh, which show that it is indeed a daunting task to decide on that matter. But these guys, who knew how to take things lightly, laughed at the whole situation. Hilmi's answer perfectly sums up the kind of band that they are.

"Choosing people to play instruments shouldn't be a problem to us because everyone is talented. The important thing here is that we give a chance to members to play any instruments that they are interested in. For example, we know that Alvin is really good with the keyboard while Hallan is good with his sape", explained Hilmi, who hails from Kedah.

The music of Sada Borneo is very captivating, as it includes elements of some of the sounds that you can hear in a rainforest. From the cadence of the pelting rain, the chirping sound of birds or a croacking frog just before the rainfall, Sada Borneo plays it all, but with a modern twist. As the band grew bigger, Hallan took the helm of creative control of the band. Alvin explained the evolution of their music since the band's days as a duo.

"As time went by, there were more of us. That was when Hallan became the mastermind for the band's music. We allow those who can play any instruments to play, especially the traditional musical instruments. Then I helped a bit on the arrangement, trying to make it unique by blending the traditional and modern elements of the music", Alvin elaborated.

Hilmi then reminded them that everyone had contributed their ideas while making music, and Alvin agreed with Hilmi, realising that he forgot to credit the rest of the members. Again, the members of Sada Borneo chuckled at Alvin's explanation earlier on.

The composition and conceptualisation of the music includes Hallan's role in outlining the flow of music, leaving out the 'filler' aspect of the music. The 'filler' part of the music refers to the melody, which they will add on, along with other little musical details, after a jamming session. Sada Borneo described their music in an interesting way, as it all goes back the meaning of 'sada'. It has a much more deeper meaning, very delicate than what it seems to be.

"Sada means 'sound' in Iban language. For examples you will not say that birds are 'communicating', but rather 'bersada'. The same goes for the sound of flowing water, as it is not merely a sound, but rather an act of expressing something", explained Hallan.

With the execption of Hilmi, the rest of the Sada Borneo members are still pursuing their degree. One could not help but to wonder how they cope with their studies and performing as a band at the same time. On that, they admitted that it is not easy to do so. Aside from that, it was never easy to keep a band going as they had met with many challenges.

"Most of us are in our final year of studies. Another two members are working, especially Hilmi", explained Alvin.

Sada Borneo may be big with their sound but the musical instruments they have on hand are pretty much very basic, such as sape and guitar. But in reality, they need more than that in order to have proper musical support. They do not have their own drums, amplifiers and keyboard, resorting to borrow them from USM's Student Affairs and Development Division (BHEPP).

At the end of the day, one of the biggest challenges that they face are definitely finances, where each of them had to come up with their own money to finance the band. Then again, no road to success has been easy.

Going back to cultural roots as way of reviving traditional music could be the future of the music industry. As such, Sada Borneo is a reminder of what we left behind as we pursued modernisation, and the future lies ahead of them. These guys had made it really clear that they are really serious about their music-making business after being invited to some performances outside USM, which they accepted.

To prove their passion in music to a wider audience, Sada Borneo decided to step up their game by auditioning for AXN's Asia's Got Talent. They passed the audition and made it to the judges' round, where they appeared before judges Van Ness Wu, David Foster, Anggun and Mel C., who will determine if they will move on to the battle rounds.

During the judges' round itself, five Sada Borneo members, which are Hallan, Allister, Julian, Nick and Hilmi performed an original composition. The stage was theirs and the surroundings broke into the soothing sounds of chirping birds and croacking frogs.

With that, a rainforest feel sets in, mesmerising the judges. The camera panned to the show's hosts, Rovilson Fernandez and Marc Nelson, who looked around the backstage area, looking puzzled. Perhaps they both were wondering if they had been teleported to a rainforest.

Then Julian's warm guitar sound followed in, along with the jungly sape sound seconds later, while the energetic Allister was beating the drums in the manner of a crescendo. As the song progressed, the drum beats got faster. Halfway into the song, the audience clapped. Nick's electric bass guitar and Hilmi's cajon provided the 'backbone' support of the music.

Once they were done, the audience and Van Ness Wu gave them a standing ovation, along with a huge round of applause. Here was what the judges had to say about their audition: Melanie C. was impressed with their succesful attempt in combining the elements of traditional and modern musical instruments, where according to her, many groups had failed to do so. Van Ness Wu felt that their music sounded very magical, as if they have brought him to a different place.

Anggun loved the ethnic elements. She thought the traditional instruments made it the music sounded perfect. However, David Foster had mixed feelings about them. He was not too keen with the electric bass guitar and acoustic guitar but loved the traditional elements. So far, the comments looked rather positive.

The members looked very nervous as they anxiously waited for the judges' verdict. One by one, Melanie C, Van Ness Wu, Anggun and David Foster, gave them a 'Yes' each. Four YESSES. Sada Borneo had passed the judges' round.

So what's next for them? Stay tuned - they might appear on your television set right now.

Fantasy chèvre



Dato' Liang Teck Meng visiting the booths at Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) Universiti Sains Malaysia (USM) during the 9th USM Chinese New Year Charity Gala Evening 2015.

By **AU EN NICOLE**

The 9th Universiti Sains Malaysia (USM) Chinese New Year Charity Gala Evening 2015 organised by USM Chinese Arts and Cultural Secretariat (SKKT) has been held successfully in Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP) USM on 28th March 2015.

With the capacity to accommodate up to 3000 audiences, DTSP was full with guests, parents, press, students, and other audiences. Students from other universities such as Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Pahang (UMP), Universiti Malaya (UM), Multimedia University (MMU), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) and Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) came all the way long and supported the event as well.

Fantasy Chèvre, as the theme of the event, means making 2015, the goat year, full with imagination and making dreams come true.

"Besides celebrating Chinese New Year, we donated some of our fund raised to charity. We hope to spread the love to the society", said the Project Director, Goh Wei Kit.

The Minister in the Prime Minister's Department, Dato' Mah Siew Keong, was represented by Dato' Liang Teck Meng.

"I feel very proud and happy to celebrate tonight with all of you here. This festival unites people from different races, cultures and background. USM students will therefore get a chance to know more about Chinese New Year", said Dato' Liang in his speech.

USM Vice-Chancellor, Prof Dato' Dr Omar Osman was represented by Deputy Vice Chancellor (Student Affairs and Development), Prof Adnan Hussein.

Performances held that night included Chinese orchestra, routine dance, 24-season drums, One Malaysia dance, crosstalk, diabolo, Chinese traditional dance, musical band, Sichuan opera artistic performance, magic show, LED dance, and singing.

Manusia punca utama stres

Ceramah cara menangani stres anjuran St John Ambulans Malaysia kor Universiti Sains Malaysia (USM) yang diadakan di Dewan Kuliah SK4 baru-baru ini telah mendapat sambutan daripada siswa-siswi USM.

Menurut Timbalan Dekan Penyelidikan, Pusat Pengajian Kajihayat, Prof. Madya Amirul Al-Ashraf, punca utama stres sebenarnya adalah daripada manusia dan siswa-siswi sering mengalami perkara ini di universiti.

"Anak saya seorang siswa di sebuah universiti dan beliau juga mengalami stres. Hal ini berpunca dari manusia apabila beliau perlu tinggal bersama dua orang rakannya dalam satu bilik. Pertama, beliau stres kerana perlu membaca buku yang banyak. Kedua, stres dengan rakan sebilik terutamanya apabila pusat pengajian mereka adalah sama. Ini kerana semasa beliau hendak tidur dan apabila melihat rakannya sedang membaca buku, beliau jadi stres", jelasnya.

Beliau juga menyatakan bahawa sesetengah manusia akan menjadi stres disebabkan faktor kekurangan sumber terutamanya dari segi kewangan.

"Siswa-siswi tidak terkecuali dari stres yang berpunca daripada masalah kewangan. Antaranya ialah kebanyakan permohonan siswa-siswi terhadap biasiswa ditolak, pinjaman yang dibuat perlu dibayar, pinjaman yang dapat tidak mencukupi, keinginan terhadap kebendaan seperti motor dan telefon pintar", jelasnya lagi.

Beliau juga berkata untuk menangani stres siswa-siswi perlu mengelakkan diri daripada stres yang tidak diperlukan seperti belajar katakan tidak, sediakan jadual pengurusan masa dan sentiasa berfikiran positif.

"Siswa-siswi perlu belajar katakan tidak. Sememangnya kita sebagai manusia tidak sampai hati menolak sekiranya rakan kita ingin meminta pertolongan. Budaya timur semuanya boleh kerana itu Malaysia sentiasa boleh. Namun, sekiranya pertolongan itu diluar kemampuan siswa-siswi perlu katakan tidak", katanya.

"Pengurusan masa amat penting dalam mengurangkan stres. Oleh itu, siswa-siswi perlu menyediakan satu jadual pengurusan masa kerana apabila semua tugasan perlu dihantar dalam minggu yang sama, tanpa jadual ini semuanya akan jadi stres", katanya lagi.

"Selain itu, sentiasa berfikiran positif dalam kehidupan. Siswa-siswi kini seringkali berfikiran negatif. Sebagai contoh, mereka sering fikir bahawa mereka seorang yang gagal dalam peperiksaan. Tetapi, kalau difikir dari sudut positif tidak mungkin mereka berada di universiti APEX sekiranya mereka gagal", tegasnya.

Menurut Pengarah Projek, Nur Farah Mazlan, ceramah ini khusus buat siswa-siswi USM supaya mereka mengetahu cara menangani stres apabila mereka berhadapan dengan masalah di universiti.

Bengkel kek tarik minat siswa-siswi

Pada 28 Mac yang lalu, Majlis Penghuni Desasiswa Cahaya Gemilang (MPDCG) telah mengadakan sebuah bengkel membuat kek. Bertempat di H33 bilik gerakan MPDCG, bengkel tersebut dibahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan petang. Sesi pagi pada jam sembilan hingga sebelas pagi dan tiga hingga lima petang.

Pengarah projek, Nur Nazieha Sairi, berkata objektif utama mereka mengadakan bengkel ini adalah melatih peserta untuk membuat kek dan menjadi usahawan dalam bidang kulinari.

"Bayaran yang kami kenakan bagi mereka yang mengikuti bengkel ini hanya RM10 sahaja dan ia berbaloi kerana di akhir sesi peserta dapat membawa pulang sepotong kek dan kek cawan," jelasnya lagi.

Sesi pertama dimulakan dengan mengenal bahan untuk membuat kek dan caranya secara teori. Menjelang sesi kedua peserta ditunjukkan cara membuat dan diberi peluang untuk mencuba dengan dipantau oleh mereka.

Idea untuk mengadakan bengkel membuat kek ini tercetus daripada ahli MPDCG di bahagian keusahawanan. Selain menjana pendapatan mereka, mereka juga dapat membantu peserta menimba pengalaman dan kemahiran baru.

Sepanjang sesi itu, Nazieha dan juga pembantunya mengendalikan cara-cara membuat kek keju sembilan inci dan juga kek cawan. Setiap peserta berpeluang membancuh dan mengayak adunan tepung. Bahan-bahan dan peralatan disediakan oleh MPDCG, peserta digalakkan mencatat nota sebagai rujukan.

Menurut Nazieha, peserta yang terlibat seramai 24 orang termasuk lelaki dan juga orang luar. Sambutan yang mereka terima amat menggalakkan. Ada di antara peserta yang meminta agar bengkel seperti itu diadakan lagi dengan mencuba resepi kek yang berlainan

Program derma darah capai hasrat

Program derma darah anjuran St John Ambulans Kor Universiti Sains Malaysia (USM) sempena Minggu St John Ambulans yang berlangsung di Dewan Utama Pelajar (A) USM, pada 25 Mac 2015 mendapat sambutan yang baik dalam kalangan siswa-siswi USM.

Menurut Pengarah Projek, Nur Farah Mazlan, sempena Minggu St John Ambulans, St John Ambulans Kor USM menganjurkan Kempen Kesedaran dan Kesihatan dan program derma darah ini adalah salah satu aktiviti yang dijalankan sepanjang minggu tersebut.

"Program derma darah ini adalah bertujuan membantu orang ramai di luar sana yang memerlukan bantuan kecemasan dengan segera. Selain itu, program yang bertemakan 'lakukan perubahan, selamatkan satu nyawa' mampu menyemai nilai kemanusiaan dalam kalangan siswa-siswi USM yang sudi menderma darah untuk mereka yang benar-benar memerlukannya", kata Farah.

Menurut Intan Sofea Mat Hashim, Sains Fizik 2, ini adalah kali pertama dia datang untuk menderma darah. Dia agak terkejut melihat ramai lagi siswa-siswi yang menunggu untuk derma darah DUP sejak pagi lagi.

"Program seperti ini harus dilaksanakan lagi oleh universiti agak dapat membina satu kesedaran yang baik tentang penjagaan kesihatan dan tanggungjawab sesama manusia dalam kalangan siswa-siswi USM. Menderma darah bukan hanya dapat menyelamatkan satu nyawa pada masa yang sama penderma juga dapat menjaga kesihatan diri dengan lebih baik", kata Intan.

Farah berkata lagi, program derma darah ini dilaksanakan dengan kerjasama antara Ahli Jawatankuasa St John Ambulans Kor USM, Pusat Sejahtera dan Institusi Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) USM.

"Ramai yang datang untuk menderma darah tetapi kami terpaksa berhenti kerana pihak IPPT hanya membawa 50 uncang blood bag kerana mereka tidak sangka ramai siswa-siswi akan datang untuk menderma darah. Hal ini ternyata siswa-siswi USM berniat baik untuk membantu orang yang memerlukan bantuan dan memberikan sokongan yang baik kepada aktiviti kesihatan dan amal sedemikian", tambah Farah lagi.

Farah berharap program sedemikian akan dijalankan dengan lebih banyak lagi di masa hadapan untuk memberikan peluang kepada warga USM untuk mengambil bahagian dan membantu mereka yang memerlukan bantuan.

MBK 2015

Penari USM menang tempat kedua

Oleh **DEBRA WONG SER LIN & NURHABIBAH BT NORDIN**

Sebuah pasukan tarian yang mewakili Universiti Sains Malaysia (USM) telah berjaya merangkul anugerah pertama untuk USM dalam pertandingan tarian etnik yang diadakan sempena Malam Bumi Kenyalang (MBK) 2015.

Pasukan Seri Witari itu telah memenangi tempat kedua di dalam pertandingan tersebut yang menampilkan penyertaan USM, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi Mara (UiTM) cawangan Shah Alam, Institut Perguruan Sultan Idris (UPSI) dan Institut Pendidikan Guru Pulau P MCB 2015 tampil kongsi tarian tradisi inang.

Menurut salah seorang ahli pasukan tersebut, Aziella Felsayenna Samson, dia berasa bangga kerana pasukannya telah berjaya memasuki tiga pasukan teratas dalam pertandingan tersebut untuk julung kalinya.

"USM telah lapan kali menyertai pertandingan ini dan tahun ini ialah kali pertama kami memasuki tempat tiga teratas. MCB 2015 tampil kongsi tarian tradisi MCB 2015 tampil kongsi tarian tradisi Kami tidak menyangka akan memenangi tempat kedua kerana kami hanya mampu berlatih selama tiga minggu kerana jadual kelas kami sangat padat," jelasnya.

Seri Watani, yang dianggotai oleh 15 orang siswa-siswi USM yang berbilang kaum, telah diilhamkan oleh jurulatih mereka yang mencorakkan tarian mereka dalam MBK 2015 berdasarkan legenda 'Semangat Nabau' yang mengisahkan mengenai seekor ular besar.

Menurut penasihat Perkumpulan Anak-Anak Sarawak (PERKASA) USM, Puan Fadzilla Bosman, pertandingan tarian yang diadakan hanya dihadkan kepada 15-20 peserta untuk setiap universiti dan tarian mereka mestilah menampilkan budaya kaum etnik tertentu di Sarawak.

Tambah beliau lagi, pertandingan ini mempunyai sedikit kelainan kerana juri-juri yang dijemput bukan pegawai kebudayaan dari institut pengajian tinggi awam seperti tahun-tahun sebelumnya.

"Kedua-dua pertandingan tersebut diadili oleh juri-juri yang professional seperti dua orang pegawai dari Jabatan Kebudayaan Pulau Pinang dan seorang pensyarah UPM yang mempunyai kepakaran dalam seni tari dari Indonesia", jelas Fadzilla

Selain pertandingan etnik yang menjadi amalan tradisi MBK setiap tahun, MBK tahun ini turut menampilkan kelainan dengan mengadakan pertandingan ratu cantik, iaitu 'kumang' yang memperlihatkan peserta memperagakan pakaian tradisi Sarawak. Lima buah IPT telah terlibat dalam pertandingan tersebut.

Selain itu juga, Jerry Kamit, seorang pemain sape yang telah memenangi pingat di pertandingan World Championship of Performing Arts di Los Angeles juga telah diundang khas untuk memeriahkan majlis dengan mempersembahkan beberapa lagu-lagu tradisi masyarakat Sarawak.

UiTM telah menjuarai pertandingan tarian etnik secara keseluruhan dan juga anugerah tarian terbaik dan kostum terbaik, manakala UPSI telah memenangi tempat ketiga dan juga pertandingan kumang.

Kedua-dua pertandingan tersebut diadili oleh juri-juri yang professional seperti dua orang pegawai dari Jabatan Kebudayaan Pulau Pinang dan seorang pensyarah UPM yang mempunyai kepakaran dalam seni tari dari Indonesia.

MBK 2015

Pameran, MBK promosi budaya Sarawak



Tarian petani yang mengisahkan kehidupan masyarakat Dayak oleh pasukan tarian UiTM Shah Alam telah memenangi gelaran persembahan terbaik.

Budaya masyarakat Sarawak berjaya ditampilkan dalam pameran dan juga persembahan-persembahan kebudayaan yang ditonjolkan pada Malam Bumi Kenyalang (MBK) 2015, Universiti Sains Malaysia (USM).

Menurut penasihat Perkumpulan Anak-Anak Sarawak (PERKASA), Puan Fadzilla Bosman, MBK 2015 telah mencapai objektif dan tema asalnya untuk memperkenalkan budaya Sarawak kepada warga USM melalui tarian, bahasa, percakapan dan penyertaan.

"Terdapat penyertaan sekretariat MBK tahun ini daripada siswa-siswi yang bukan berasal daripada Sarawak, misalnya daripada negeri Selangor, Pulau Pinang dan sebagainya," ulas beliau.

Menurut Pengarah Projek Pameran MBK, Natashya Evaristus, dia sangat berpuas hati dengan jumlah pengunjung yang hadir.

"Pada pendapat saya, budaya masyarakat Sarawak berjaya dipaparkan juga menerusi aktiviti semasa pameran berlangsung, misalnya permainan sumpit , tarian buluh, dan penterjemahan bahasa Sarawak kepada bahasa Melayu. Selain itu, terdapat juga pameran makanan Sarawak seperti sagu, tebaloi, kek lapis, gula-gula lada dan umai", ulasnya.

Bagi Rasydan Rasyid Mohd Rohaizat, pengerusi persatuan Prisma Seni UiTM, MBK merupakan pelantar untuk mengetengahkan bakat-bakat seperti koreografer dan penari yang mempersembahkan budaya Sarawak kepada masyarakat.

Menurut Ailis Elizabeth Epa, Doktor Falsafah Sains Maklumat Geografi 4 pula, MBK telah mendedahkannya kepada elemen budaya Sarawak yang baru seperti tarian buluh dan Bahasa Bidayuh.

"Walaupun saya sendiri merupakan orang Sarawak tetapi MBK telah sedikit sebanyak memberikan saya informasi baru mengenai adat resam negeri itu yang saya kurang tahu sebelum ini," jelasnya.

Untuk Wissely Lukas Salamah, peserta pasukan tarian USM pula, MBK merupakan satu-satunya pendedahan tahunan yang besar mengenai budaya Sarawak kepada warga USM.

"Selain MBK, satu lagi aktiviti yang kita boleh usahakan pada masa depan adalah dengan mengadakan kelas dan pertandingan tarian untuk warga USM yang bukan daripada Sarawak, di mana kami boleh mengajar mereka dengan lebih mendalam lagi mengenai tarian tradisi masyarakat Sarawak," cadangnya.

Bagi Pengarah Projek MBK 2015, Quziana Zulaikha Mahnor, selain daripada projek seperti konsert dan pameran MBK, pergaulan merupakan cara yang baik untuk mempromosikan budaya Sarawak kepada masyarakat yang bukan berasal daripada negeri tersebut.

"Terdapat segelintir masyarakat yang masih beranggapan bahawa orang Sarawak tinggal di atas pokok, dan hanya tahu sedikit mengenai tradisi kami seperti kek lapis. Oleh itu, penceritaan mengenai masyarakat Sarawak merupakan cara yang baik untuk memperkenalkan adat-adat kami dalam kalangan masyarakat," ulasnya.

MCB 2015 tampil kongsi tarian tradisi

Malam Citra Bayu (MCB) 2015 bertemakan tari bayu, mercu tradisi mengetengahkan tarian-tarian tradisional pelbagai etnik kaum di Sabah dalam bentuk pertandingan yang berlangsung 21 Mac lalu di Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP), Universiti Sains Malaysia (USM).

MCB 2015 adalah anjuran Perkumpulan Siswa-siswi Sabah (PERSIS) USM dengan kerjasama Persatuan Siswazah Sabah di Semenanjung (G3S). MCB kali ini meriah dengan penyertaan sembilan kontinjen daripada universiti awam (UA).

Antara UA yang terlibat ialah Universti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Selangor (UNISEL), dan termasuk Universiti Sains Malaysia (USM).

Keputusan pertandingan malam itu mengangkat UPSI sebagai johan dengan membawa pulang wang tunai RM1,200, diikuti naib johan UM, RM800 dan tempat ketiga UKM, RM 500. Anugerah Penarik Lelaki Terbaik dimenangi oleh Jerry Yacob (USM) dan kategori wanita pula disandang oleh Siti Amisah Sairi (UPSI).

Dalam perasmian, Dr Nazarudin Zainun berkata dengan penglibatan sembilan UA telah menunjukkan bahawa wujud satu perpaduan yang erat dalam kalangan siswa-siswi dari Sabah di Semenanjung ini.

"Saya juga percaya MCB ini mampu menjadi suatu wadah yang bukan sahaja berupaya melahirkan lebih ramai mahasiswa yang celik budaya tetapi juga mampu melonjak daya pemikiran dan kreativiti yang lebih tinggi dalam kalangan siswa-siswi", jelas beliau sewaktu ucapan perasmian.

Menurut Pengarah projek Malam Citra Bayu 2015, Manuel Gakim MCB ini bertujuan memperkenalkan kebudayaan dan kesenian yang terdapat di negeri Sabah khususnya warga kampus dan mengeratkan ikatan persepaduan antara siswa-siswi tanpa mengira etnik kaum, bangsa mahupun budaya.

"Saya juga berharap agar MCB akan datang lebih meriah dan terus dapat memperkenalkan dimensi kelestarian sosiobudaya Negeri di Bawah Bayu yang berperanan sebagai objek identiti, harga diri dan simbol kebanggaan negeri Sabah", tambahnya.

Sentiasa maju ke hadapan dalam menjadi seorang pemimpin

Majlis Penghuni Desasiswa (MPD) Tekun Universiti Sains Malaysia (USM) telah mengadakan satu Ceramah Mega: "OMG! (Oh My Generation!) Khalifah Milenia" pada 27 Mac lalu di Dewan Tuanku Syed Putra USM yang bertujuan memberi kesedaran kepada siswa-siswi untuk menjadi seorang ketua yang diredai Allah dalam menjalankan tanggungjawabnya di atas muka bumi ini.

Ceramah yang dimoderatorkan oleh finalis rancangan Imam Muda Astro Oasis musim pertama, Azhar Ghazali tersebut disampaikan oleh dua ahli panel jemputan iaitu finalis rancangan Pencetus Ummah Astro Oasis musim pertama, Rahmat Ikhsan, dan selebriti jemputan Nur Affina Yanti Jamalludin atau dikenali sebagai Fynn Jamal bagi mengupas tajuk seorang khalifah iaitu ketua dari perspektif Islam.

Menurut Pengarah Projek, Noor Nadia Jemadi, tajuk demikian dipilih bagi menyedarkan siswa-siswi tujuan sebenar kejadian manusia di atas muka bumi bagi menjadi seorang khalifah yang terpuji.

Tambah beliau, OMG! (Oh My Generation!) Khalifah Milenia dipilih sebagai tema ceramah malam itu bagi membuka pandangan siswa-siswi untuk memperbaiki diri dari segi akhlak, sahsiah dan rohani untuk menjadi hamba Allah yang diredai dalam menongkah arus norma masyarakat yang semakin songsang.

"Program Ceramah Mega ini merupakan satu program sulung MPD Tekun yang menekankan tentang konsep agama dan dakwah. Ia juga menjadi satu permulaan yang sangat baik dalam menyampaikan dakwah dan ilmu yang berguna kepada siswa-siswi.", katanya.

Ceramah yang mendapat sambutan seramai 1,800 orang peserta itu, telah mendidik siswa-siswi untuk mencontohi kepimpinan khalifah Saidina Umar Al-Khatab, di mana siang harinya beliau adalah seorang pemerintah yang sangat tegas menjalankan tugas pada negara dan pada malamnya beliau seorang yang sangat rendah diri tunduk kepada Allah.

Menurut Rahmat Ikhsan, khalifah adalah orang yang memerintah melalui sifat kepimpinan yang terpuji dengan sifat rendah diri. Untuk menjadi khalifah perlu sentiasa maju kehadapan, mempunyai keyakinan diri yang tinggi tapi jangan merasakan diri terlalu selesa kerana keistimewaan itu adalah milik Allah.

"Ciri khalifah perlu mempunyai keyakinan tinggi, yakin mampu mencapai suatu perkara yang besar, malah perlu sentiasa positif dengan percaya mempunyai masa depan yang cerah, tetapi khalifah tanpa sifat abdullah dia akan mejahanamkan orang sekeliling", katanya.

"Dalam menjadi seorang khalifah perlu membezakan orang yang yakin diri dan bangga diri, orang yang bangga diri dia akan merendah-rendahkan orang lain", tambah beliau.

Tambah Fynn Jamal pula, dalam menjadi seorang khalifah sifat individualistik dalam diri perlu dibuang dan disemai dengan kasih sayang sesama manusia.

Turut hadir Penggawa Desasiswa Tekun, Dr Nazarudin.

PADU pentas martabat budaya

Oleh **MOHAMED AFIQ AMANI MOHAMED NAHDRISHA**

Pesta Pantun Antara Desasiswa (PADU) 2015 peringkat akhir berlangsung di Dewan Pusat Pembangunan Mahasiswa (PUMA), Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia (USM) yang mempertemukan Desasiswa Nurani dan Restu.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni), PADU tidak sepatutnya dilihat sebagai pertandingan sahaja. Sebaliknya ia mempunyai asal usul yang perlu difahami dan sekiranya tidak dipupuk oleh universiti maka generasi baru akan melupakan warisan ini.

"Harapan USM untuk melahirkan siswa-siswi berminda glokal dan global dapat dilaksanakan dengan penglibatan mereka dalam pelbagai program kelestarian budaya. Usaha ini memerlukan jaringan dan sokongan siswa-siswi sepenuhnya", jelas beliau.

Pemantun Nurani, Mohd Irfanuddin berkata pembaharuan yang dilakukan pada PADU kali ini dengan lima saringan adalah lebih adil kerana tidak akan berlaku pertembungan semula antara pasukan dan ia memastikan pasukan yang benar-benar berkualiti layak ke peringkat akhir.

"Bagi saya, juri dalam kalangan penggawa dan penolong penggawa semememangnya mempunyai ilmu. Namun dari segi teknikal hanya mereka yang berpengalaman dalam bidang pantun sahaja mengetahui selok-belok pantun. Justeru, diharapkan pada masa hadapan penganjur dapat melantik juri yang lebih berkualiti supaya ketelusan pertandingan terpelihara", tambah beliau.

Pemantun Aman Damai, Anis Shafinaz Ibrahim berkata pembaharuan yang dilakukan seperti penggunaan loceng hanya sebanyak dua kali tidak dimaklumkan dalam kertas kerja yang dilampirkan kepada pengurus pasukan dan hal ini membuatkan emosi peserta sedikit terganggu. Beliau mencadangkan penganjur mengadakan bengkel taklimat kepada hakim, peserta, jawatankuasa dan pengurus pasukan supaya persediaan yang lebih baik dapat dilakukan.

"Sebaiknya juri dilantik dalam kalangan mereka yang berpengalaman bagi mengelakkan ketidakadilan. Sebagai contoh, pertandingan yang berlangsung di antara Aman Damai menentang Murni dikatakan sengit oleh juri namun margin yang diberikan adalah sebelas kepada pemenang dengan sokongan juri 2-1. Hal ini menimbulkan persoalan terhadap jurang margin yang sangat tinggi. Bengkel peserta dan pengurus pasukan perlu dilaksanakan bagi mengelakkan keciciran maklumat", tambahnya.

Menurut pemantun Fajar Harapan, Nurul Nadia Khairuzaman, tema-tema yang dipertandingkan pada peringkat akhir amat bermutu kerana mencabar minda seperti jenaka yang memerlukan kebijaksanaan dan kemahiran berfikir peserta dalam menghasilkan pantun membuatkan penonton tertawa seterusnya menjaga tatasusila supaya tidak keterlaluan.

"Jawatankuasa penganjur perlu menitikberatkan ketepatan masa mengikut tentatif yang disediakan bagi mengelakkan kekeliruan peserta dan memberi peluang kepada peserta lebih bersedia untuk pertandingan berikutnya", katanya.

Ketua hakim peringkat akhir, Dato Halim R juga memberi beberapa teguran kepada peserta. Antaranya pantun yang dijual mestilah mudah difahami tetapi sukar untuk dijawab dan tidak digalakkan untuk menjual pantun yang berkias sehingga menyebabkan pembeli sukar menjawab dengan tepat.

"Rima pantun yang cantik adalah rima yang sama pada pertengahan dan hujung baris dengan empat patah perkataan setiap baris di antara lapan hingga 12 suku kata. Peserta juga perlu menitikberatkan rima 'ab ab' dan tidak mengikut rima syair", jelas beliau.

"Pembayang yang digunakan perlu berkait antara baris pertama dan kedua. Peserta disarankan menggunakan pembayang yang logik serta mudah difahami. Berdasarkan aspek gaya pula, peserta perlu menekankan ekspresi diri melalui perasaan yang cuba ditonjolkan dalam pantun", tambahnya lagi.

Persaingan sengit di antara kedua-dua pasukan telah memihak kepada pasukan Restu sebagai Johan PADU 2015 dengan membawa pulang Piala Pucuk Rebung dan wang tunai RM1000. Lebih membanggakan lagi, peserta pertama pasukan Restu iaitu Abdullah Mahyuddin dianugerahkan pemantun terbaik saringan dan keseluruhan. Naib Johan disandang oleh pasukan Nurani manakala tempat ketiga dirangkul oleh Murni.

Tranformasi Qalbu untuk hati dan naruni yang bersih



MENGHIBUR Kumpulan nasyid Qatrunnada menghiburkan penonton dengan kelunakan suara mereka dengan menyampaikan lagu nasyid mereka dan zikir serta qasida yang memuji kebesaran Allah.

Bersempena dengan sambutan Jubli Perak Pusat Pengajian Pengurusan (PPP), tema PPP adalah 'Menginsankan Kecemerlangan Lestari'. Selaras dengan itu, PPP telah mengadakan Konsert Malam Tranformasi Qalbu pada 3 April di Dewan Tunku Syed Putra (DTSP).

Menurut Dekan PPP, Prof. Fauziah Md. Taib, konsep 'Transformasi Kalbu' dipilih bagi sambutan Jubli Perak Pusat Pengajian Pengurusan kerana kecemerlangan memerlukan hati dan nurani yang bersih dan matlamat jelas.

"Saya percaya, hati adalah punca bagi segalanya. Sekiranya, hati tidak bersih, kita tidak dapat merasai kemanisan hidup dan ilmu. Kecemerlangan daripada akademik tidak mengambarkan kecemerlangan hati dan nurani seseorang siswa-siswi. 'Making a different' merupakan satu transformsi untuk mencapai kecemerlangan dari luaran dan dalaman siswa-siswi", katanya.

Untuk memastikan siswa-siswi berjaya, titik-titik hitam dalam hati harus dibuang untuk memastikan ilmu yang dipelajari dapat diperolehi dengan mudah. Transformasi mengambil masa yang lama dan berbeza daripada revolusi kerana ransformasi berlaku secara perlahan-lahan dan menzahirkan hati dan nurani", jelasnya lagi.

Menurut Ketua Komuniti Program, Muhamad Naim Mohad Sabri, program ini telah mencapai objektif yang telah ditetapkan dengan jayanya dan berharap program ini akan diteruskan pada masa hadapan.

"Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Penyelaras Program, Dr. Mohd Anuar Arshad kerana sudi memberi tunjuk ajar kepada saya dan rakan-rakan" jelasnya.

EARTH HOUR USM

Siswa-siswi sambut baik Earth Hour

Oleh **ROSAMIRA AHMAD RAZALI**

Program Earth Hour bertemakan 'I Will If You Will' yang dianjurkan oleh Kampus Sejahtera, Universiti Sains Malaysia (USM) telah dirasmikan oleh Pengarah Kampus Kejuruteraan, Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak di Padang Kawad USM baru-baru ini.

Sambutan Earth Hour bertujuan untuk memberi kesedaran kepada warga universiti terhadap penjimatan elektrik sekaligus menyokong kepada sambutan Earth Hour yang disambut serentak oleh seluruh dunia.

Program ini turut mendapat kerjasama daripada Centre for Education, Training and Research in Renewable Energy and Energy Efficiency (CETREE) dan sokongan penuh oleh MySihat USM dan Majlis Penghuni Desasiswa (MPD) Kampus Induk.

Menurut Pengarah Kampus Kejuruteraan, Profesor Dr. Zainal Arifin Mohd Ishak, beliau berasa kagum dengan sambutan siswa-siswi yang sanggup meluangkan masa demi program Earth Hour USM.

Beliau juga berkata program ini akan bersama memadamkan lampu dan menghentikan segala aktiviti yang menggunakan tenaga elektrik selama 60 minit untuk memberi penerapan dan kesedaran terhadap kepentingan sumber alam dan kesukaran kehidupan sekiranya sumber alam ini lenyap apabila manusia tidak mengunakannya secara berhemah.

"Kesusahan ini dapat dilihat pertama sekali apabila bekalan air terputus seperti di Selangor, kita dapat lihat keluhan manusia. Kedua, apabila bekalan elektrik terputus. Walaupun sekejap sahaja kita dapat lihat pelbagai reaksi yang kebanyakannya mencari jalan apa yang boleh dibuat apabila elektrik terputus. Ketiga, gangguan telekomunikasi seperti Internet terputus dan telefon tidak berfungsi. Ketiga-tiga contoh ini kita akan merasa kesannya pada suatu hari nanti namun kita sebagai manusia sering mengambil mudah akan hal ini", katanya.

Beliau juga berharap agar menerusi program ini dapat dijadikan satu proses menyedarkan siswa-siswi betapa pentingnya untuk menggunakan sumber dengan penuh berhemah serta memupuk semangat kelestarian dalam diri setiap warga USM.

Menurut Yang Dipertua Kesukarelawan Kampus Sejahtera, Wee Soon Kit, tema 'I Will If You Will' dipilih kerana ia membawa maksud setiap perlakuan kita akan menjadi ikutan insan lain dan pada tahun ini program ini tampil berbeza kerana telah mewujudkan satu anugerah khas kepada desasiswa iaitu Anugerah Desasiswa Lestari.

Menurut Pengarah Projek, Nurul Ain Fatin Ramlee, pada kali ini pelbagai program dan aktiviti diadakan anjuran Sukarelawan Kampus Sejahtera antaranya pertandingan menterjemahkan idea penjimatan elektrik dengan merekabentuk pelekat penjimatan elektrik yang disertai oleh pelajar USM.

Selain itu, program ini turut diisi dengan aktiviti melukis pada sebelah pagi dan larian Earth Hour disebelah malam. Antara aktiviti lain yang diadakan ialah pameran kolum berhias atau candle light, buih belon, dan booth game.

EARTH HOUR USM

Desasiswa Tekun ungguli Anugerah Desasiswa Lestari

Desasiswa Tekun, Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya mendapat Anugerah Desasiswa Lestari sempena Program Earth Hour USM yang diadakan di Padang Kawad pada 28 Mac lalu.

Menurut Exco Kelestarian dan Kesejahteraan Majlis Penghuni Desasiswa (MPD) Tekun, Muhammad Nashrul Farhan Samsudin, kerjasama yang kuat antara penghuni desasiswa dan MPD Tekun menjadi punca utama Desasiswa Tekun memenangi anugerah tersebut.

"Kegigihan dan sokongan yang tinggi antara kami menyebabkan kami dapat berkumpul sebagai satu pasukan yang besar dan berjaya dalam segala usaha mencapai kelestarian di kampus ini", katanya.

Nashrul berkata usaha yang berterusan daripada penghuni membantu MPD mudah merancang sebarang program yang ingin dilakasanakan.

Menurut Nashrul lagi, persediaan yang secukupnya dan semangat berpasukan membantu mereka memenangi Anugerah Desasiswa Lestari pada tahun ini.

"Saya berasa amat teruja kerana tidak menyangka ada anugerah seperti ini. Saya berharap pada sidang hadapan kami dapat membimbing lebih ramai lagi siswa-siswi ke arah kelestarian seperti yang dihasratkan oleh seluruh warga USM", kata Nashrul.



BANGGA . . . Nashrul bersama pasukan penghuni Desasiswa Tekun menjulang piala Anugerah Desasiswa Lestari dalam program Earth Hour yang diadakan di Padang Kawad, USM baru-baru ini.

EARTH HOUR USM

Larian Earth Hour dapat sambutan baik

Program Larian Earth Hour anjuran Sukarelawan Kampus Sejahtera pada 28 Mac 2015 di Padang Kawad Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya menarik perhatian siswa-siswi USM.

Menurut Pengarah Projek, Nurul Ain Fatin Ramlee, Larian Earth Hour ini disertai oleh lebih 600 siswa-siswi USM. Ramai di antara mereka adalah siswa-siswi tahun pertama dan tahun kedua.

"Sokongan yang tinggi dapat dilihat dari siswa-siswi tahun pertama yang teruja menyertai larian pada malam ini. Saya agak terkejut melihat jumlah siswa-siswi yang berpusu-pusu ke kaunter pendaftaran untuk mendapatkan nombor dan mendaftar MyCSD", kata Ain lagi.

"Semangat yang kuat dalam perarakan setiap desasiswa menambah lagi kemeriahan program ini. Sorakan sokongan yang kuat diberikan kepada peserta larian mengikut desasiswa masing-masing. Larian ini bermula di Padang Kawad dan berakhir semula di tempat permulaan. Peserta berlari bermula dari Padang Kawad ke Stor Kimia melalui Restoran Subaidah dan kembali ke Padang Kawad. Sepuluh peserta terawal diberikan hadiah saguhati dan diikuti oleh pemenang tempat ketiga, naib johan dan johan", jelas Ain.

Menurut Jonnycal Mengok, Sains Kemasyarakatan 2, dia berasa amat gembira apabila berpeluang menyertai larian ini. Ini adalah satu program yang berjaya mengumpul ramai siswa-siswi di Padang Kawad.

"Saya gembira melihat ramai penyokong yang berkumpul di Padang Kawad malam ini untuk memberikan sokongan kepada para peserta. Saya berterima kasih kepada pihak Kampus Sejahtera kerana telah berjaya menganjurkan aktiviti seperti ini dan memberikan peluang kepada saya menjadi juara larian ini. Saya berharap aktiviti seperti ini akan terus diadakan pada masa akan datang", kata Jonnycal.

















Warna-warni jersi penyeri Kejohanan Ragbi 7's USM 2015

24 pasukan ragbi dari seluruh Malaysia menyertai Kejohanan Ragbi 7's (sebelah) USM 2015 berlangsung di Padang Minden baru-baru ini. Setiap pasukan tampil dengan rekaan jersi yang menarik dari pelbagai pengeluar jersi yang berbeza.

Pakaian yang selalu dipakai oleh pemain ragbi ialah jenis jersi yang tahan lasak sesuai dengan cara permainan ragbi yang lasak. Selain itu, pemain juga mengenakan pelbagai aksesori lain seperti body tight (baju nipis dan ketat) dipakai sebelum menyarung jersi untuk tujuan mengelak kecederaan/calar akibat jatuh atau diseret ketika perlawanan.

Gelaran juara kejohanan ini dirangkul oleh pasukan Institusi Kemahiran Mara (IKM) Lumut menewaskan Universiti Malaysia Perlis (UniMap) 21-19. Manakal tempat ketiga disandang pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Navy Orca selepas mengecewakan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Eagles 14-0.

1. Darul Ehsan Project 2017
2. Kaminari Arashi
3. Polis Diraja Malaysia (PDRM) Junior
4. Politeknik Balik Pulau
5. Politeknik Dungun
6. Politeknik Seberang Perai
7. Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu
8. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
9. International Islamic University Malaysia (IIUM) Kampus Kuantan
10. Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Navy Orca
11. Institut Kemahiran MARA (IKM) Kampus Lumut







PETANQUE

Cahaya Gemilang tewaskan Restu

Desasiswa Cahaya Gemilang telah mengalahkan Desasiswa Restu dalam Sukan Antara Desasiswa dalam acara petanque yang telah berlangsung di Arena Petanque, USM Kampus Induk pada 20 - 22 Mac 2014 untuk acara kumpulan.

Dua belas desasiswa iaitu Tekun, Murni, Cahaya Gemilang, Restu, Utama, Lembaran, Petas, Bakti Permai, Aman Damai, Nurani, Jaya dan Indah Kembara telah bertanding dalam acara tersebut.

Desasiswa Tekun ialah johan untuk acara petanque pada SUKAD tahun lalu dan mempunyai dua bekas pemain USM.

Desasiswa Cahaya Gemilang mempunyai mantan pengerusi Kelab Petanque, Mohamad Ezwan Jafri dan pengerusi Kelab Petanque, Mohamad Yusuf Mislam sebagai pemain.

Desasiswa Restu pula ada seorang pemain USM iaitu Muhammad Firdaus Mohd Yunos.

Menurut penyelaras Kelab Petanque USM, Mohd Azmi Abdullah, acara petanque dibahagi kepada tiga kategori iaitu perseorangan, bergu dan bertiga. Desasiswa yang berjaya mendapat dua kemenangan dahulu dikira menang.

Desasiswa Cahaya Gemilang telah berjaya mengalahkan Desasiswa Restu dalam acara perseorangan dan bertiga semasa perlawanan akhir. Mohamad Yusuf daripada Desasiswa Cahaya Gemilang telah mendapat satu mata dalam acara perseorangan dan Ezwan daripada Desasiswa Cahaya Gemilang telah mendapat satu lagi mata dalam acara bertiga.

Desasiswa Cahaya Gemilang berjaya mendapat pingat emas dan Desasiswa Restu mendapat pingat perak.

Sementara itu, dalam kategori wanita, Desasiswa Tekun telah tewaskan Desasiswa Nurani untuk merebut emas.

Acara petanque dibahagi kepada tiga kategori iaitu perseorangan, bergu dan bertiga. Desasiswa yang berjaya mendapat dua kemenangan dahulu dikira menang.

BOLA SEPAK

Ibu emas milik Jaya



LINCAH . . . Aslam daripada Desasiswa Jaya (jersi kuning hitam) berjaya mengawal bola daripada dirampas oleh Faqih Izzudin pemain daripada Restu FC (jersi biru putih). **Gambar oleh Muhammad Suhaib Mohd Shapiee**

Oleh **MUHAMMAD SUHAIB MOHD SHAPIEE & NUR KHALIDAH ABDUL HALIM**

Desasiswa Jaya muncul juara bagi acara bola sepak dalam pertandingan Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) yang berlangsung di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia.

Perlawanan akhir melibatkan Desasiswa Jaya dan Restu berakhir apabila Desasiswa Jaya menjaringkan dua gol hasil daripada ketua pasukan iaitu Mohd Afifi Rozaini pada separuh masa pertama dan jaringan kedua oleh Ahmad Aslam Ahmad Badruddin pada separuh masa kedua.

Jurulatih Desasiswa Jaya, Ahmad Yazid Yahya berkata dia tidak sangka bahawa pasukan bimbingannya akan berjaya sehingga menjadi juara setelah menerima saingan yang sengit setiap perlawanan.

"Saya meletakkan sasaran pasukan bimbingan saya hanya mampu setakat peringkat separuh akhir sahaja kerana latihan hanya dibuat selama sebulan sebelum SUKAD bermula tetapi semua pemain telah memberikan usaha mereka sepenuhnya", kata Yazid.

"Saya berharap supaya pihak pengurusan tertinggi dapat melihat pemain yang berbakat secara keseluruhan bukan hanya tertumpu di Kampus Induk sahaja demi memantapkan lagi barisan pasukan bola sepak Minden Tiger USM", tambah beliau lagi kepada Berita Kampus.

Ketua pasukan Desasiswa Jaya, Mohd Afifi Rozaini berkata johan yang diperolehi pada kali ini merupakan kejuaraan yang pertama kali untuk Desasiswa Jaya dan juga berkat doa, latihan, dan disiplin pemain.

"Saya berharap kepada semua pemain dapat mengekalkan tahap dan corak permainan untuk terus mengekalkan kejuaraan milik Desasiswa Jaya", kata Afifi.

Pemain Tengah, Ahmad Aslam Ahmad Badruddin berterima kasih kepada ahli keluarga, pemain Desasiswa Jaya, jurulatih, dan penyokong kerana telah memberikan semangat dan dorongan kepadanya.

"Saya berharap akan terus menyumbangkan tenaga untuk pasukan bola sepak Desasiswa Jaya sehingga tamat pengajian", kata Aslam.

Saya berharap supaya pihak pengurusan tertinggi dapat melihat pemain yang berbakat secara keseluruhan bukan hanya tertumpu di Kampus Induk sahaja demi memantapkan lagi barisan pasukan bola sepak Minden Tiger USM.

MEMANAH

Kekurangan peralatan punca kegagalan

Kegagalan pasukan memanah dari Kampus Induk Universiti Sains Malaysia yang diwakili oleh Desasiswa Saujana pada kali ini adalah berpunca daripada kekurangan peralatan memanah. Juara pada kali ini diraih oleh pasukan Desasiswa Murni dari Kampus Kesihatan Universiti Sains Malaysia.

Desasiswa Saujana Pasukan A dianggotai oleh Keshamalini Gopalsamy, Garrtine Murugesu, Nur Amirah Zabidi dan Syafiqa Putri Adlina Hakun. Pasukan B pula dianggotai oleh Noor Shariawati Sidik, Dalilah Halim, Arifah Che Mohd Sabri dan Nursyafiqah Mohd Sharif.

Menurut Kapten Pasukan A Desasiswa Saujana, Keshamalini Gopalsamy, salah satu faktor kekalahan mereka kali ini adalah berpunca daripada kekurangan peralatan. Mereka terpaksa berhadapan dengan pesaing dari Desasiswa Murni yang lengkap dengan peralatan. Pasukan Desasiswa Murni dilengkapi dengan peralatan seperti arm guard, chest guard, finger tabs dan sebagainya berbanding pasukan Desasiswa Saujana yang hanya memiliki busur dan anak panah sahaja.

"Kami juga menghadapi masalah dalam membuat persediaan bagi perlawanan pada kali ini. Pusat Kokurikulum tidak membenarkan mana-mana desasiswa untuk meminjam peralatan mereka untuk tujuan latihan meskipun kami mempunyai surat dari Desasiswa. Alasan yang diberikan ialah peralatan yang disediakan hanya untuk kegunaan ahli kelab memanah sahaja" jelasnya lagi.

"Oleh itu, kami terpaksa membuat latihan di Youth Park. Kedudukannya agak jauh dan mengambil masa selama 30 minit. Hal ini agak memyusahkan setiap ahli pasukan" tambahnya lagi.

Menurut Keshamalini lagi, hal ini berbeza dengan tahun sebelum ini, mereka dapat membuat latihan tanpa sebarang masalah dan diberikan peralatan yang lengkap.

SUKAN

SUKAD | BOLA KERANJANG

Cahaya Gemilang terus bersinar

SENGIT . . . Pertarungan acara bola keranjang lelaki Desasiswa Cahaya Gemilang (CG) bertemu Pelajar Tanpa Asrama (PETAS) di peringkat akhir dalam Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) 2015 yang berlangsung di Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) pada 4 April lalu. **GAMBAR OLEH MUHAMAD RIDZWAN MD ALI.**



Urusetia perlu meneliti semula jadual permainan yang disusun supaya tidak memberi kesan kepada pemain untuk menamatkan permainan bola keranjang dalam tempoh satu hari sahaja.

Oleh **MUHAMAD RIDZWAN MD ALI**

Penyandang juara, Desasiswa Cahaya Gemilang (CG) membelasah Desasiswa Tekun 49-34 pada separuh akhir acara bola keranjang lelaki di gelanggang bola keranjang Kampus Kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM), sekaligus melayakkan diri ke peringkat akhir bertemu Pelajar Tanpa Asrama (PETAS) dalam Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) 2015.

CG terus mengekalkan kedudukannya sebagai juara setelah mendahului 8-4 dalam separuh masa ketiga bertemu dengan PETAS dan berjaya menumpaskan lawannya dengan agregat 40-32 pada final acara bola keranjang lelaki.

Ketua Pasukan Bola Keranjang CG, Lim Chee Yong berkata, pasukannya terpaksa berhadapan dengan 4 pasukan lawan sejak awal pagi hingga petang untuk sampai ke peringkat akhir bertemu PETAS.

"Urusetia perlu meneliti semula jadual permainan yang disusun supaya tidak memberi kesan kepada pemain untuk menamatkan permainan bola keranjang dalam tempoh satu hari sahaja", katanya.

Acara penyampaian pingat disempurnakan oleh Penggawa Desasiswa Nurani, Tuan Haji Tusof Abdullah selepas tamat perlawanan.

SUKAD | SEPAK TAKRAW

Aman Damai gagalkan Jaya

Pasukan sepak takraw Desasiswa Aman Damai menjadi juara Sukan Antara Desasiswa (SUKAD) yang berlangsung di Kampus Kejuruteraan, Universiti Sains Malaysia (USM).

Pada perlawanan akhir, pasukan sepak takraw Aman Damai berjaya menewaskan Desasiswa Jaya pada aksi regu A dan C manakala regu B tewas, seterusnya kemenangan 2-1 memihak kepada Aman Damai.

Menurut Ketua Exco Sukan, Majlis Penghuni Desasiswa Aman Damai (MPDAD), yang juga pemain sepak takraw Aman Damai, Ahmad Fuad Abdullah Sani, kemenangan yang diperolehi ini adalah semangat bekerjasama daripada ketiga-tiga regu yang diwakili seramai 12 pemain.

Fuad berkata pingat emas yang dimenangi adalah keberkesanan susunan taktikal pemain ketiga-tiga regu Aman Damai kerana taktikal yang diubah amat memberi perubahan yang besar daripada perlawanan sebelumnya.

"Tahun ini atlet sepak takraw Aman Damai mempunyai pelapis yang cukup dan penyumbang pertama pingat emas pada sidang ini kerana sebelum ini Aman Damai tidak pernah menjuarai acara sukan ini", jelasnya kepada *Berita Kampus.*

Fuad juga berharap agar atlet sepak takraw memberikan prestasi yang berterusan pada sidang akan datang dan menjadikan kemenangan ini agar acara sukan lain turut bangkit di sidang hadapan.

Tahun ini atlet sepak takraw Aman Damai mempunyai pelapis yang cukup dan penyumbang pertama pingat emas pada sidang ini kerana sebelum ini Aman Damai tidak pernah menjuarai acara sukan ini.

Minden Tiger tunjuk taring

Pasukan bola sepak Universiti Sains Malaysia (USM) Minden Tiger terus merapatkan kedudukan dengan pendahulu Liga Bola Sepak Institut Pengajian Tinggi (IPT) 2015 selepas berjaya menewaskan pasukan Kolej Komuniti Perak (KKP) di Padang Anderson, Ipoh.

Ketua Pasukan, Mohd Hafizh Mansor berkata perlawanan yang penting untuk mengumpul mata kerana ingin mengejar pendahulu liga untuk Divisyen 2 iaitu pasukan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

"Saya melihat semua pemain ikut arahan sepenuhnya daripada ketua jurulatih dan berjaya memecah kubu pertahanan pasukan lawan dengan menjaringkan enam jaringan pada separuh masa pertama dan satu jaringan pada separuh masa kedua", kata Hafizh.

Menurut Hafizh, pasukan lawan cuba bangkit pada separuh masa kedua dengan membuat tiga pertukaran pemain termasuk penjaga gol untuk mengubah corak permainan mereka dan membuat serangan secara bertubi-tubi untuk mendapatkan gol.

Pemain pertahanan Minden Tiger, Muhammad Faiez Tajudin berkata pasukannya pada perlawanan kali ini menampakkan kelainan kerana moral naik dan semangat yang membara selepas menang tiga kali, seri satu kali dan kalah satu kali.

"Kami perlu menang untuk perlawanan dengan pasukan UIAM pada 11 April 2015 di Stadium Olahraga USM kerana ia merupakan penentu kedudukan Liga Bola Sepak IPT 2015 untuk Divisyen 2", kata Faiez.

Faiez berharap supaya pemain bola sepak Minden Tiger dapat meneruskan prestasi dan terus menang sehingga tamat Liga Bola Sepak IPT 2015 Divisyen 2 seterusnya melayakkan pasukkanya ke Divisyen 1 pada tahun hadapan.

Antara penyumbang gol untuk pasukan USM Minden Tiger ketika menewaskan pasukan Kolej Komuniti Perak iaitu Farmee Saad, Haris Daus, Hambali Ismail, Hany Jumaah masing-masing satu gold dan Hamza Mostafa tiga gol.

USM Minden Tiger telah membuat 11 jaringan, bolos empat dan mengumpul 10 mata.